LG
Life's Good

BAHASA MELAYU
简 体 中 文
ENGLISH

Panduan Pengguna
用户手册
User Guide

LG-D958

MFL68066101 (1.0)

www.lg.com

BAHASA MELAYU

Panduan Pengguna

Sedia 4G LTE*

* Sila semak dengan operator rangkaian anda sama ada 4G LTE tersedia pada USIM anda

- Paparan dan ilustrasi skrin mungkin berbeza daripada yang anda lihat pada telefon sebenar.
- Sesetengah kandungan panduan ini mungkin tidak berkaitan dengan telefon anda, bergantung kepada perisian dan pembekal perkhidmatan anda. Semua maklumat dalam dokumen ini tertakluk kepada perubahan tanpa notis.
- Telefon bimbit ini tidak sesuai untuk orang yang mempunyai kekurangan visual disebabkan papan kekunci skrin ketiknya.
- Hak cipta ©2014 LG Electronics, Inc. Hak cipta terpelihara. LG dan logo LG adalah tanda dagangan berdaftar bagi Kumpulan LG dan entiti yang berkaitan dengannya. Semua tanda dagangan lain adalah harta pemiliknya masing-masing.
- Google™, Google Maps™, Gmail™, YouTube™, Hangouts™ dan Android Market™ adalah tanda dagangan Google, Inc.

Kandungan

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien 5

Notis penting.....13

Mengenali telefon anda.....21

Gambaran keseluruhan telefon 21
Memasang kad micro-USIM.....23
Mengecas telefon anda.....24
Mengunci dan membuka kunci skrin 25
Pasangkan skrin 25
Set kepala stereo dengan mikrofon.....26
Plug & Pop.....27

Skrin utama anda 28

Petua skrin sentuh.....28
Skrin Utama.....29
Skrin utama dilanjutkan.....30
Menyesuaikan Skrin utama 31
Kembali ke aplikasi yang digunakan baru-baru ini.....32
Panel pemberitahuan.....32
Membuka panel pemberitahuan.....33
Ikon penunjuk pada Bar Status 33
Papan kekunci atas skrin.....36
Memasukkan huruf aksen 36

Persediaan akaun Google.....37

Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti.....38

Wi-Fi 38
Menyambung ke rangkaian Wi-Fi.....38
Menghidupkan Wi-Fi dan menyambung kepada rangkaian Wi-Fi.....38
Bluetooth.....39
Berkongsi sambungan data telefon anda.....41
Wi-Fi Langsung 43
SmartShare 43
Menikmati kandungan daripada Peranti berhampiran.....44
Sambungan PC dengan kabel USB.....45

Panggilan 47

Membuat panggilan.....47
Membuat panggilan kepada kenalan anda.....47
Menjawab dan Menolak Panggilan.....47
Melaraskan volum panggilan masuk.....48
Membuat panggilan kedua 48
Melihat log panggilan anda.....49
Tetapan panggilan 49

Kenalan 50

Mencari Kenalan.....50
Tambah Kenalan Baru.....50
Kenalan kegemaran.....50
Membuat kumpulan.....51

Mesej.....52

Menghantar mesej.....52
Peti teruntai 53
Menukar tetapan mesej anda 53

E-mel 54

Menguruskan akaun e-mel 54
Menggunakan folder akaun 54
Mengarang dan menghantar e-mel.....55

Kamera 56
Mengenali pencari pandangan.....56
Menggunakan tetapan lanjutan.....57
Menangkap fotopantas 59
Menggunakan mod Tangkap & Kosongkan.....59
Menggunakan mod Dwi kamera 60
Menggunakan mod Syot tangkapan masa 60
Setelah anda mengambil gambar 61
Daripada Galeri anda 62

Kamera video 63
Mengenali pencari pandangan.....63
Menggunakan tetapan lanjutan.....64
Merakam video pantas 65
Selepas merakam video.....65
Daripada Galeri anda 66
Melaraskan volum semasa melihat video 66
Menggunakan Zum Audio 66
Menggunakan mod Dwi rakaman 67
Menggunakan mod Zum penjejakan 67

Fungsi.....69
QuickMemo 69
Menggunakan pilihan QuickMemo 70
Melihat QuickMemo yang disimpan 70
QuickTranslator 71
QSlide.....72
QuickTheater 73
QuickRemote 73
Zum untuk Mengesan 75
VuTalk 76
Daftar VuTalk Sebelum Digunakan 76
Tetapan VuTalk.....76
Komunikasi Secara Visual dengan VuTalk 77
LG SmartWorld 78
Bagaimana untuk Pergi ke LG SmartWorld daripada Telefon Anda.....78
Bagaimana untuk menggunakan LG SmartWorld 78
On-Screen Phone 79
Ikon On-Screen Phone 79
Ciri On-Screen Phone 79
Bagaimana memasang On-Screen Phone pada PC anda.....80

Multimedia 81
Galeri.....81
Melihat gambar 81
Memainkan video 82
Mengedit foto 82
Memadamkan foto/video.....82
Menetapkan sebagai kertas dinding.....82
Video 82
Memainkan video 83
Muzik 84
Tambah fail muzik pada telefon anda 84

Kandungan

Pindahkan fail menggunakan Penyegerakan media (MTP) 84
Memainkan lagu 84

Utiliti 87

Luncurkan ketepi (Penukaran tugas pantas dengan TIGA jari) 87
Dwi Tetingkap 87
Mod Tetamu 88
Menetapkan penggera anda 89
Menggunakan kalkulator anda 89
Menambah acara pada kalendar anda ... 89
Perakam Suara 90
Merakam bunyi atau suara 90
Menghantar rakaman suara 90
Pengurus tugasan 91
Tugas 91
POLARIS Viewer 5 91
Google+ 92
Carian Voice 92
MUAT TURUN 92

Web 93

Internet 93
Menggunakan bar alat Web 93
Melihat halaman web 93
Membuka halaman 94
Membuat carian web menggunakan suara 94
Penanda Buku 94
Sejarah 94
Chrome 95
Melihat halaman web 95
Membuka halaman 95
Menyegerak dengan peranti lain 95

Tetapan 96

Rangkaian 96
Bunyi 100
Paparan 101
Umum 104

Perisian PC (LG PC Suite) 111

Kemas kinian perisian telefon 114

Kemas kinian perisian telefon 114

Mengenai panduan pengguna ini 116

Mengenai panduan pengguna ini 116
Tanda dagangan 117
DivX HD 117
Dolby Digital Plus 118

Aksesori 119

Pencarisilapan 120

Soalan Lazim 124

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

Sila baca garis panduan yang mudah ini. Tidak mengikut garis panduan ini mungkin merbahaya atau tidak sah.

Sekiranya kesilapan berlaku, sebuah alat perisian dibina di dalam peranti anda akan mengumpulkan log kesilapan. Alat ini hanya mengumpulkan data yang khusus kepada kesilapan, seperti kekuatan isyarat, cell ID position (kedudukan ID sel) dalam kegagalan panggilan dan aplikasi yang dimuatkan secara tiba-tiba. Log hanya digunakan untuk membantu menentukan punca bagi kesilapan. Log ini dienkripsi dan hanya boleh diakses oleh Pusat pembaikan LG yang sah, sekiranya anda perlu mengembalikan peranti anda untuk dibaik pulih.

Pendedahan kepada tenaga frekuensi radio

Maklumat pendedahan kepada gelombang radio dan Kadar Penyerapan Khusus (SAR).

Model telefon bimbit ini LG-D958 telah direka bentuk untuk mematuhi keperluan keselamatan yang dikenakan bagi pendedahan kepada gelombang radio. Keperluan ini adalah berdasarkan garis panduan saintifik yang termasuk margin keselamatan yang direka bentuk untuk memastikan keselamatan semua orang tanpa mengira umur dan kesihatan.

- Garis panduan bagi pendedahan kepada gelombang radio menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Khusus, atau SAR. Ujian bagi SAR dijalankan menggunakan kaedah yang dipiawaikan dengan telefon memancarkan pada aras kuasa diperakui yang tertinggi dalam semua jalur frekuensi.
- Walaupun terdapat perbezaan antara tahap SAR pelbagai model telefon LG, semuanya direka bentuk untuk memenuhi garis panduan yang berkaitan bagi pendedahan kepada gelombang radio.
- Had SAR yang disyorkan oleh Suruhanjaya mengenai Perlindungan Sinaran Bukan-Ion (Commission on Non-Ionizing Radiation Protection) (ICNIRP) Antarabangsa, iaitu 2 W/kg dipuratakan ke atas sepuluh 10 g tisu.
- Nilai SAR yang tertinggi untuk telefon model ini yang diuji untuk penggunaan di telinga ialah 0.381 W/kg (10 g) dan apabila dipakai pada badan ialah 0.405 W/Kg (10 g).

- Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan sama ada dalam kedudukan penggunaan normal pada telinga atau apabila diletakkan pada jarak sekurang-kurangnya 1.5 cm dari badan. Apabila bekas pembawa, klip tali pinggang atau pemegang digunakan untuk pengendalian pemakaian pada badan, ia tidak sepatutnya mengandungi logam dan perlu meletakkan produk pada jarak sekurang-kurangnya 1.5 cm dari badan anda. Untuk memindahkan data fail dan mesej, peranti ini memerlukan sambungan berkualiti pada rangkaian. Dalam beberapa kes, pemindahan fail data atau mesej mungkin ditangguhkan sehingga sambungan tersebut tersedia. Pastikan arahan jarak pemisahan diikuti sehingga pemindahan selesai.

Penjagaan dan penyelenggaraan produk

⚠ **AMARAN**

Hanya gunakan bateri, pengecas dan aksesori yang diluluskan untuk digunakan bersama model tertentu telefon ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang berkaitan dengan telefon, dan mungkin berbahaya.

- Fleksibiliti produk ini adalah terhad untuk menahan penggunaan biasa. Telefon ini boleh bengkok rata sehingga 180 darjah untuk tempoh masa yang terhad tetapi tidak boleh bengkok ke dalam. Kerosakan yang disebabkan oleh salah guna, termasuk tetapi tidak terhad kepada sengaja dibengkokkan atau mengenakan daya paksa secara berterusan pada produk, boleh menyebabkan kerosakan yang kekal pada paparan dan/atau bahagian-bahagian lain dan fungsi telefon.
- Jangan tanggalkan pemasangan unit ini. Bawa ia kepada juruteknik servis yang layak jika kerja pembaikan diperlukan.
- Pembaikan di bawah waranti, mengikut budi bicara LG, mungkin termasuk penggantian bahagian atau papan yang sama ada baru atau yang diperbaiki, asalkan kefungsiannya sebanding dengan bahagian yang diganti.

- Jauhkan dari perkakas elektrik seperti TV, radio, dan komputer peribadi.
- Unit ini hendaklah dijauhkan daripada sumber haba seperti radiator atau dapur.
- Jangan jatuhkan.
- Jangan biarkan unit ini terdedah kepada getaran mekanikal atau kejutan.
- Matikan telefon di mana-mana tempat yang memerlukan anda berbuat demikian oleh undang-undang khas. Contohnya, jangan gunakan telefon di hospital kerana ia mungkin mengganggu peralatan hospital yang sensitif.
- Jangan kendalikan telefon dengan tangan yang basah semasa telefon sedang dicas. Ia boleh menyebabkan terjadinya renjatan elektrik dan telefon mungkin akan rosak teruk.
- Jangan cas telefon bimbit berhampiran bahan yang mudah terbakar kerana telefon bimbit akan menjadi panas dan boleh menyebabkan bahaya kebakaran.
- Gunakan kain yang kering untuk membersihkan bahagian luar unit ini (jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair atau alkohol).
- Jangan cas telefon di atas perabot yang lembut.
- Telefon hendaklah dicas di kawasan berpengudaraan baik.
- Jangan dedahkan unit ini kepada asap atau habuk yang berlebihan.
- Jangan simpan telefon di sebelah kad kredit atau tiket pengangkutan; ia boleh menjejaskan maklumat pada jalur magnetik.
- Jangan ketik skrin dengan objek yang tajam kerana ia boleh merosakkan telefon.
- Jangan dedahkan telefon kepada cecair atau kelembapan.
- Guna aksesori seperti fon telinga dengan berhati-hati. Jangan sentuh antena jika tidak diperlukan.
- Jangan gunakan, sentuh atau cuba untuk mengeluarkan atau membaiki kaca yang pecah, sumbing atau retak. Kerosakan pada paparan kaca kerana ia disia-siakan dan disalahgunakan adalah tidak diliputi oleh waranti ini.
- Telefon anda adalah peranti elektronik yang menjana haba pada penggunaan biasa. Sentuhan langsung dengan kulit dalam tempoh yang berpanjangan dalam keadaan pengudaraan tidak mencukupi mungkin akan mengakibatkan ketidakselesaan atau

melecur sedikit. Oleh itu, anda hendaklah berjaga-jaga apabila mengendalikan telefon anda atau betul-betul selepas menggunakannya.

- Jika telefon anda basah, tanggalkan plag dengan serta merta untuk mengeringkan ia sepenuhnya. Jangan cuba untuk mempercepatkan proses mengering dengan sumber pemanasan luaran, seperti ketuhar, ketuhar gelombang mikro atau pengering rambut.
- Cecair dalam telefon basah anda mengubah warna label produk dalam telefon anda. Kerosakan pada peranti anda akibat pendedahan kepada cecair tidak diliputi oleh waranti anda.

Operasi telefon berkesan

Peranti elektronik

Semua telefon mudah alih mungkin mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasi.

- Jangan gunakan telefon mudah alih anda berhampiran kelengkapan perubatan tanpa meminta kebenaran. Elakkan meletak telefon di atas perentak jantung, contohnya, di dalam poket dada anda.
- Sesetengah alat bantu pendengaran mungkin diganggu oleh telefon mudah alih.
- Sedikit gangguan mungkin boleh menjejaskan TV, radio, PC, dsb.
- Guna telefon anda dalam suhu di antara 0ºC dan 40ºC, jika boleh. Mendedahkan telefon anda kepada suhu yang terlampau rendah atau tinggi akan mengakibatkan kerosakan, malfungsi atau letupan.

Keselamatan jalan

Semak undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan telefon mudah alih di kawasan tempat anda memandu.

- Jangan gunakan telefon pegang tangan semasa memandu.
- Beri perhatian penuh kepada pemanduan anda.

- Pergi ke tepi jalan dan letak kereta sebelum membuat atau menjawab panggilan jika keadaan pemanduan memerlukan anda berbuat demikian.
- Tenaga RF mungkin menjejaskan sesetengah sistem elektronik di dalam kenderaan anda seperti stereo kereta dan kelengkapan keselamatan.
- Apabila kenderaan anda dilengkapi beg udara, jangan halangnya dengan kelengkapan wayarles yang dipasang atau yang mudah alih. Ia mungkin tidak berfungsi atau menyebabkan kecederaan serius disebabkan prestasi yang tidak betul.
- Jika anda mendengar muzik ketika bergerak dan berjalan, sila pastikan bahawa volum berada pada paras yang berpatutan agar anda sedar akan keadaan di sekeliling anda. Ini khususnya amat penting jika anda berdekatan jalan raya.

Elakkan kerosakkan ke pendengaran anda

Untuk mencegah kerosakan pendengaran, jangan mendengar pada tahap volum yang tinggi untuk tempoh yang panjang.

Kerosakan kepada pendengaran anda boleh berlaku jika anda terdedah kepada bunyi yang kuat untuk tempoh yang lama. Kami dengan ini mengesyorkan agar anda tidak menghidupkan atau mematikan telefon mudah alih berhampiran dengan telinga anda. Kami juga mengesyorkan bahawa volum muzik dan panggilan ditetapkan pada paras yang berpatutan.

- Apabila menggunakan fon kepala, kurangkan volum jika anda tidak dapat mendengar orang yang bercakap berdekatan dengan anda atau jika orang yang duduk di sebelah anda dapat mendengar apa yang sedang anda dengar.

NOTA: Tekanan bunyi yang melampau dari fon telinga dan fon kepala boleh menyebabkan kehilangan pendengaran

Bahagian Kaca

Beberapa bahagian peranti mudah alih anda dibuat daripada kaca. Kaca ini akan retak atau pecah jika telefon anda terjatuh ke atas permukaan yang keras atau menerima impak yang kuat. Jika kacanya pecah, jangan sentuh atau cuba untuk menanggalkannya. Berhenti menggunakan peranti mudah alih anda sehingga kaca diganti oleh pembekal khidmat yang diluluskan.

Kawasan letupan

Jangan gunakan telefon di mana peletupan sedang dijalankan. Patuhi sekatan dan ikut sebarang aturan dan peraturan.

Persekitaran boleh meletup

- Jangan gunakan telefon di tempat mengisi minyak.
- Jangan gunakan berhampiran bahan api atau bahan kimia.
- Jangan angkut atau simpan gas mudah terbakar, cecair atau bahan letupan di dalam ruang yang sama dengan yang mengandungi telefon mudah alih anda dan aksesorinya.

Di dalam pesawat

Peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.

- Matikan telefon mudah alih anda sebelum menaiki sebarang pesawat terbang.
- Jangan gunakannya apabila mendarat tanpa izin anak kapal.

Kanak-kanak

Simpan telefon di tempat yang selamat dan jauh daripada kanak-kanak kecil. Ia termasuk bahagian kecil yang boleh menyebabkan bahaya tercekik jika ia tertanggal.

Panggilan kecemasan

Panggilan kecemasan mungkin tidak tersedia di bawah semua rangkaian mudah alih. Oleh itu, anda tidak sepatutnya bergantung semata-mata kepada telefon anda untuk membuat panggilan kecemasan. Semak dengan pembekal khidmat tempatan anda.

Maklumat dan penjagaan bateri

- Anda tidak perlu menyahcas bateri sepenuhnya sebelum mengecasnya semula. Tidak seperti sistem bateri lain, tiada kesan memori yang boleh menjejaskan prestasi bateri.
- Gunakan hanya bateri dan pengecas LG. Pengecas LG direka bentuk untuk memaksimumkan hayat bateri.
- Jangan buka pemasangan atau litar pintaskan bateri.
- Ganti bateri apabila ia tidak lagi memberi prestasi yang boleh diterima. Pek bateri mungkin dicas beratus kali sehingga ia perlu digantikan.
- Cas semula bateri jika ia tidak digunakan buat tempoh masa yang lama untuk memaksimumkan kebolehgunaan.
- Jangan dedahkan pengecas bateri kepada cahaya matahari langsung atau gunakannya pada kelembapan yang tinggi, seperti di bilik air.
- Lupuskan bateri yang telah digunakan mengikut arahan pengilang. Sila kitar semula yang mana mungkin. Jangan lupuskan sebagai sampah rumah yang biasa.
- Jika anda hendak mengganti bateri, bawa ia ke pusat servis LG Electronics atau wakil penjual yang disahkan untuk mendapatkan bantuan.
- Tanggalkan pengecas dari soket dinding selepas telefon dicas sepenuhnya untuk menjimatkan kuasa pengecas daripada penggunaan yang tidak perlu.

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

- Hayat sebenar bateri bergantung kepada konfigurasi rangkaian, tetapan produk, corak penggunaan, dan keadaan bateri dan persekitaran.
- Pastikan tiada item berbucu tajam seperti kuku atau gigi haiwan, bersentuhan dengan bateri. Ini akan menyebabkan kebakaran.
- Untuk keselamatan anda, jangan mengeluarkan bateri yang dimasukkan dalam produk.
- Jangan tinggalkan telefon anda di tempat yang panas atau sejuk, kerana boleh merosotkan prestasi telefon.

PENGISYTIHARAN PEMATUHAN

Dengan ini, **LG Electronics** mengisytiharkan bahawa produk **LG-D958** ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan lain yang berkaitan dalam Arahan **1999/5/EC**. Salinan Perisytiharan Pematuhan boleh didapati di **http://www.lg.com/global/declaration**

Notis: Perisian Open Source

Untuk mendapatkan kod sumber sepadan di bawah GPL, LGPL, MPL dan lesen sumber terbuka yang lain, sila lawati http://opensource.lge.com /
Semua terma lesen, penafian dan notis sedia untuk dimuat turun dengan kod sumber.

Notis penting

Sila baca maklumat ini sebelum mula menggunakan telefon anda!

Sila semak sama ada sebarang masalah telefon yang anda hadapi telah diterangkan dalam bahagian ini, sebelum anda membawa telefon anda untuk diservis atau memanggil wakil servis.

1. Memori telefon

Apabila ruang yang tinggal pada memori telefon anda kurang daripada 10%, telefon anda tidak akan dapat menerima mesej yang baru. Anda perlu memeriksa memori telefon anda dan memadamkan sebahagian data seperti aplikasi atau mesej, untuk menjadikan lebih banyak memori tersedia.

Untuk membuang pemasangan aplikasi:

1 Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > tab **Umum** > **Apl**.
2 Selepas semua aplikasi muncul, tatal dan pilih aplikasi yang hendak anda membuang pemasangan.
3 Ketik **Buang pemasangan**.

2. Mengoptimumkan hayat bateri

Anda boleh memanjangkan hayat bateri anda dengan mematikan ciri yang tidak perlu anda jalankan setiap masa di latar belakang. Anda juga boleh memantau bagaimana aplikasi dan sumber sistem menggunakan kuasa bateri.

Memanjangkan hayat bateri anda:

- Matikan komunikasi radio jika anda tidak menggunakannya. Jika anda tidak menggunakan Wi-Fi, Bluetooth atau GPS, matikan ia.
- Kurangkan kecerahan skrin dan tetapkan masa tamat skrin yang lebih pendek.
- Matikan penyegerakan automatik bagi Gmail, Kalendar, Kenalan dan aplikasi lain.

Notis penting

- Sesetengah aplikasi yang telah anda muat turun mungkin akan mengurangkan kuasa bateri.
- Semasa menggunakan aplikasi yang dimuat turun, semak tahap cas bateri.

NOTA: Jika anda tidak sengaja tertekan Kekunci Kuasa/Kunci semasa peranti di dalam poket anda, skrin akan dimatikan secara automatik untuk menjimatkan kuasa bateri.

Untuk memeriksa tahap cas bateri:

- Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > tab **Umum** > **Mengenai telefon** > **Bateri.**

Status bateri (mengecas atau menyahcas) dan tahap bateri (peratus dicaj) akan dipaparkan pada bahagian atas skrin.

Untuk mengawasi dan mengawal bagaimana kuasa bateri digunakan:

- Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > tab **Umum** > **Mengenai telefon** > **Bateri** > **Penggunaan bateri**.

Masa penggunaan bateri dipaparkan pada skrin. Ia memberitahu tempoh masa semenjak anda menyambung telefon anda kepada sumber kuasa atau, jika sedang disambung kepada sumber kuasa, berapa lama telefon berjalan menggunakan kuasa bateri pada kali terakhir. Skrin akan menunjukkan aplikasi atau perkhidmatan yang menggunakan kuasa bateri, yang disusun dari penggunaan terbesar hingga terkecil.

3. Sebelum memasang aplikasi dan OS sumber terbuka

⚠ **AMARAN**

Jika anda memasang dan menggunakan OS selain daripada yang disediakan oleh pengeluar, ini mungkin akan menyebabkan telefon anda gagal berfungsi. Di samping itu, telefon anda tidak lagi dilindungi oleh waranti ini.

⚠ **AMARAN**

Untuk melindungi telefon dan data peribadi anda, hanya muat turun aplikasi daripada sumber yang boleh dipercayai, seperti Play Store™. Jika terdapat aplikasi yang tidak dipasang dengan betul pada telefon anda, telefon anda mungkin tidak akan berfungsi sebagaimana sepatutnya atau ralat yang serius mungkin berlaku. Anda hendaklah menyahpasang aplikasi-aplikasi tersebut dan semua data dan tetapannya daripada telefon.

4. Menggunakan buka kunci corak

Tetapkan buka kunci corak untuk menjamin keselamatan telefon anda. Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > tab **Paparan** > **Skrin kunci** > **Pilih skrin kunci** > **Corak**. Ini akan membuka skrin yang akan memandu anda melalui cara melukis buka kunci corak skrin. Anda hendaklah mencipta PIN Sandaran sebagai langkah keselamatan jika anda terlupa buka kunci corak.

Amaran: Cipta akaun Google dahulu sebelum menetapkan buka kunci corak dan ingat PIN Sandaran yang anda cipta sewaktu mencipta kunci corak anda.

⚠ AMARAN

Langkah berjaga-jaga semasa menggunakan kunci corak.

Mengingati corak buka kunci yang anda tetapkan amatlah penting. Anda tidak akan dapat mengakses telefon anda jika anda menggunakan corak yang salah sebanyak 5 kali. Anda mempunyai 5 peluang untuk memasukkan corak buka kunci, PIN atau kata laluan anda. Jika anda telah menggunakan kesemua 5 peluang, anda boleh mencuba lagi selepas 30 saat.

Apabila anda tidak dapat ingat Corak buka kunci, PIN, atau Kata Laluan anda:

< Jika anda terlupa corak anda >

Jika anda log masuk ke akaun Google anda pada telefon tetapi gagal memasukkan corak yang betul sebanyak 5 kali, ketik butang **Terlupa corak?** di bahagian bawah skrin. Selepas itu anda diminta untuk log masuk dengan Akaun Google anda, atau anda perlu memasukkan PIN Sandaran yang telah anda masukkan semasa membuat Kunci Corak anda.

Jika anda belum membuat akaun Google pada telefon atau anda terlupa PIN Sandaran, anda perlu melakukan tetapkan semula keras.

< Jika anda telah terlupa PIN atau Kata Laluan anda >

Jika anda terlupa PIN atau Kata Laluan anda, anda perlu melakukan tetapkan semula keras.

Amaran: Jika anda melakukan set semula keras, semua aplikasi pengguna dan data pengguna akan terpadam.

NOTA: Jika anda belum log masuk ke Akaun Google anda dan terlupa Corak Buka Kunci anda, anda perlu memasukkan PIN Sandaran anda.

5. Menggunakan Tetapkan Semula Keras (Tetapkan Semula Kilang)

Jika telefon anda tidak pulih kepada keadaan asal, gunakan Tetapkan Semula Keras (Tetapkan Semula Kilang) untuk memulakannya.

1 Matikan kuasa.
2 Tekan dan tahan **kekunci Kuasa/Kunci + kekunci Turun Volum** di bahagian belakang telefon.
3 Lepaskan Kekunci KUASA/KUNCI + Kekunci Turun Volum apabila logo LG dipaparkan, kemudian tekan dan tahan Kekunci Turun Volum + Kekunci Naik Volum sekali lagi.
4 Lepaskan semua kekunci apabila skrin Tetapkan semula kilang dipaparkan.
5 Pilih Ya menggunakan Kekunci NAIK Volum/Turun Volum dan tekan Kekunci KUASA/KUNCI untuk teruskan atau pilih Tidak menggunakan Kekunci Naik Volum/ Turun Volum dan tekan Kekunci KUASA/KUNCI untuk batalkan.
6 Pilih Ya menggunakan Kekunci Naik Volum/Turun Volum dan tekan Kekunci KUASA/KUNCI sekali lagi untuk sahkan atau pilih Tidak menggunakan Kekunci Naik Volum/Turun Volum dan tekan Kekunci KUASA/KUNCI untuk batalkan.

⚠ **AMARAN**

Jika anda melakukan Set Semula Keras, semua aplikasi pengguna, data pengguna dan lesen DRM akan dipadam. Jangan lupa untuk menyandarkan sebarang data penting sebelum melakukan Tetapkan Semula Keras.

6. Membuka dan beralih aplikasi

Melakukan berbilang tugas menjadi mudah dengan Android, anda boleh membiarkan lebih daripada satu aplikasi berjalan pada masa yang sama. Tidak perlu keluar daripada suatu aplikasi sebelum membuka yang satu lagi. Gunakan dan beralih antara beberapa aplikasi terbuka. Android menguruskan setiap aplikasi, menghentikan dan memulakannya jika perlu untuk memastikan bahawa aplikasi melahu tidak menggunakan sumber tanpa ada perlunya.

1 Sentuh dan tahan **Kekunci Utama** . Senarai aplikasi yang baru digunakan akan dipaparkan.

2 Ketik aplikasi yang hendak anda akses. Ini tidak menghentikan aplikasi sebelumnya yang berjalan di latar belakang pada telefon. Pastikan anda mengetik **Kekunci Kembali** untuk keluar daripada aplikasi selepas menggunakannya.

- Untuk menghentikan aplikasi, ketik **Pengurus tugasan** daripada senarai aplikasi yang baru digunakan, kemudian ketik **Henti** atau **Berhentikan Semua**.
- Untuk mengeluarkan aplikasi daripada senarai aplikasi yang baru digunakan, seret pratonton aplikasi ke kiri atau ke kanan. Untuk mengosongkan semua aplikasi, ketik **Kosongkan semua**.

7. Memindahkan muzik, foto dan video menggunakan Penyegerakan media (MTP)

1 Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > tab **Umum** > **Storan** untuk memeriksa media simpanan.

2 Sambungkan telefon ke PC anda menggunakan kabel USB.

3 **Pilih mod sambungan USB** akan muncul di skrin telefon anda, Pilih pilihan **Penyegerakan media (MTP)**.

4 Buka folder memori pada PC anda. Anda boleh melihat kandungan penyimpanan massa pada PC anda dan memindahkan fail dari PC ke Folder memori peranti atau sebaliknya.

5 Selepas memindahkan fail, luncurkan bar status ke bawah dan ketik **USB disambung** dan pilih **Cas telefon** dari senarai jenis sambungan USB.

8. Pegang telefon anda dengan menegak

Pegang telefon bimbit anda dengan menegak, sebagaimana anda memegang telefon biasa. Telefon anda mempunyai antena dalaman. Anda hendaklah berhati-hati agar tidak mencalar atau merosakkan bahagian belakang telefon, kerana ini mungkin akan menjejaskan prestasi.

Semasa membuat/menerima panggilan atau menghantar/menerima data, elakkan memegang bahagian bawah telefon di mana antena terletak. Berbuat demikian dapat menjejaskan kualiti panggilan.

9. Apabila skrin menjadi kaku

Jika skrin menjadi kaku atau telefon tidak memberi respons ketika anda cuba mengendalikannya:

Tekan dan tahan **kekunci Kuasa/Kunci** selama 10 saat untuk mematikan telefon anda. Jika ia masih tidak berfungsi, sila hubungi pusat servis.

10. Jangan sambung telefon anda ketika anda menghidup atau mematikan PC anda

Pastikan anda memutuskan sambungan telefon anda daripada PC semasa menghidupkan atau mematikan kuasa PC anda kerana ia mungkin menyebabkan ralat PC.

11. Mod kawalan kekunci perkakasan

Jika paparan telefon anda rosak atau pecah, anda boleh menjawab panggilan masuk, menamatkan panggilan atau mematikan penggera menggunakan kekunci perkakasan.

1 Matikan telefon anda.

2 Tekan dan tahan **Kekunci Kuasa/Kunci** dan **Kekunci Turun Volum + Kekunci Naik Volum** serentak lebih daripada 6 saat untuk memasuki mod Kawalan kekunci perkakasan.

3 Tekan **Kekunci Volum** untuk menatal ke pilihan yang dikehendaki, kemudian tekan **Kekunci Kuasa/Kunci** untuk mengesahkan.

- **Menjawab panggilan:** Tekan **Kekunci Turun Volum + Kekunci Naik Volum** pada masa yang sama.
- **Menamatkan panggilan:** Tekan **Kekunci Kuasa/Kunci** semasa panggilan.
- **Menghentikan penggera:** Apabila penggera berbunyi, tekan dan tahan **Kekunci Naik Volum** atau **Kekunci Turun Volum** untuk menghentikan penggera.

NOTA: Jika cermin paparan telefon pecah dan anda terus menggunakannya, ia mungkin pecah lebih teruk atau boleh mendatangkan kecederaan. Sila pergi ke pusat perkhidmatan LG yang sah untuk membaiki telefon anda.

Mengenali telefon anda

Gambaran keseluruhan telefon

Kanta Kamera Hadapan

Sensor Kedekatan

Alat cuping telinga

LED Pemberitahuan

Skrin sentuh

Kekunci Undur

- Kembali ke skrin sebelumnya. Keluar dari aplikasi selepas menggunakannya.

Kekunci Utama

- Kembali ke skrin Utama dari mana-mana skrin.

Kekunci Menu

- Semak pilihan yang tersedia.

NOTA: Sensor kedekatan

Semasa menerima dan membuat panggilan, sensor kedekatan akan mematikan lampu latar secara automatik dan mengunci skrin sentuh dengan mengesan apabila telefon berada berdekatan dengan telinga anda. Ini akan memanjangkan hayat bateri dan mengelakkan pad kekunci sentuh daripada diaktifkan tanpa sengaja semasa panggilan.

⚠ AMARAN

Meletakkan objek berat di atas telefon atau duduk di atasnya akan merosakkan LCD dan kefungsian skrin sentuhnya. Jangan tutup sensor kedekatan LCD dengan filem pelindung. Ini boleh menyebabkan sensor pincang tugas.

Mengenali telefon anda

Dulang Kad SIM

Apertur Butang Keluar

Mikrofon

Sensor QJarak jauh

Kanta Kamera Belakang

Flash

Kekunci Volum

- **Pada skrin utama:** Kawal volum pendering.
- **Semasa panggilan:** Kawal volum alat cuping telinga anda.
- **Semasa memainkan lagu:** Kawal volum secara berterusan.

Kekunci Kuasa/Kunci

- Hidupkan/matikan telefon anda dengan menekan dan menahan kekunci ini
- Tekan sekejap untuk mengunci/membuka kunci skrin

Titik Sentuh NFC

Pembesar suara

Mikrofon

Bicu Alat Dengar

Pengecas/Port USB

⚠ AMARAN

- Bahagian ini menutup ruang bateri. Jangan buka penutup belakang.
- Berhati-hati agar anda tidak merosakkan titik sentuh NFC pada telefon ini, yang merupakan bahagian antena NFC.

NOTA: Penutup belakang produk ini menggunakan teknologi “sembuh sendiri”, yang memulihkan calar kecil dalam hanya beberapa minit. Calar kecil adalah calar yang disebabkan oleh penggunaan biasa telefon. Calar disebabkan oleh permukaan yang kasar, salah guna, termasuk tetapi tidak terhad kepada calar dengan sengaja, dan kerosakan yang disebabkan oleh jatuh atau menjatuhkan produk, ia mungkin tidak akan hilang. Hasil “sembuh sendiri” mungkin berbeza bergantung pada tahap kerosakan serta syarat-syarat lain. Sebarang waranti pada “sembuh sendiri” adalah dengan ini dikecualikan.

Memasang kad micro-USIM

Sebelum anda mula memeriksa telefon baru anda, anda boleh memilih untuk memasukkan kad mikro-USIM.

Butang keluar ialah apertur bulatan kecil pada bahagian bawah pintu dulang. Untuk memasang kad micro-USIM baru:

1 Masukkan alat mengeluarkan mikro-USIM yang disertakan bersama telefon (atau pin halus) ke dalam apertur butang keluar dan tekan dengan perlahan-lahan sehingga dulang tersebut muncul.

2 Alih keluar dulang dan letakkan kad micro-USIM ke dalamnya, dengan bahagian sentuhan di luar dan penjuru bersudut di sebelah kanan. Hanya terdapat satu cara yang mungkin untuk memuatkan kad dengan elok ke dalam dulang.

3 Dengan berhati-hati ubah kedudukan dulang di dalam slot dan tolakkannya dengan perlahan ke dalam telefon semula.

NOTA: Pastikan kawasan sesentuh emas pada kad menghadap ke bawah.

Mengecas telefon anda

Caj bateri sebelum menggunakannya buat kali pertama. Gunakan pengecas untuk mengecas bateri. Komputer juga boleh digunakan untuk mengecas peranti dengan menyambungkannya melalui kabel USB.

⚠ AMARAN

Hanya gunakan pengecas, bateri dan kabel yang disokong LG. Jika anda menggunakan pengecas yang tidak disahkan, sama ada bateri atau kabel, ia boleh menyebabkan pengecasan bateri yang perlahan atau mesej pop timbul berkenaan pengecasan yang perlahan. Ini boleh menyebabkan bateri meletup atau kerosakan pada peranti yang tidak dilindungi waranti.

Penyambung pengecas terletak di bahagian bawah telefon. Masukkan pengecas, dan pasang plag pada bekalan kuasa elektrik.

NOTA:

- Bateri hendaklah dicas sepenuhnya pada awalnya untuk meningkatkan jangka hayat bateri.
- Jangan buka penutup belakang semasa telefon anda sedang dicas.

Mengunci dan membuka kunci skrin

Jika anda tidak menggunakan telefon untuk seketika, skrin akan terpadam dan terkunci secara automatik. Ini membantu menghalang daripada kekunci ditekan tanpa sengaja dan menjimatkan kuasa bateri.

Apabila anda tidak menggunakan telefon, tekan **kekunci Kuasa/Kunci** untuk mengunci telefon anda.

Jika mana-mana program sedang berjalan semasa anda mengunci skrin anda, ia mungkin masih terus berjalan dalam mod Kunci. Anda disyorkan agar keluar daripada semua program sebelum memasuki mod Kunci untuk mengelakkan bayaran yang tak perlu (seperti panggilan telefon, akses web dan komunikasi data).

Untuk membangunkan telefon anda, tekan **kekunci Kuasa/Kunci**. Skrin kunci akan muncul. Sentuh dan luncurkan Skrin kunci ke mana-mana arah untuk membuka kunci skrin Utama anda. Skrin terakhir yang anda lihat akan terbuka.

Pasangkan skrin

Anda boleh mengunci atau membuka kunci skrin dengan hanya dwiketik.

Untuk mengaktifkan ciri Pasangkan skrin

1 Ketik > > tab **Aplikasi** > **Tetapan** > tab **Umum > Gerakan**.

2 Letakkan tanda semak semasa **Skrin hidup/Mati**.

Dwiketik skrin tengah dengan segera untuk membuka kunci skrin. Untuk mengunci skrin, dwiketik bar status dalam mana-mana skrin (kecuali pada pencari pandangan kamera) atau kawasan kosong pada skrin Utama.

NOTA: Apabila menghidupkan skrin, pastikan anda tidak menghalang sensor berdekatan. Berbuat demikian akan mematikan skrin dengan segera selepas menghidupkannya untuk mengelakkan sensor dihidupkan secara tidak normal dalam poket atau beg anda.

Set kepala stereo dengan mikrofon

Dengan set kepala yang disambungkan, anda boleh menikmati muzik atau video dengan bunyi stereo dan bertukar dengan mudah daripada muzik/video anda untuk mengambil dan menamatkan panggilan.

< Depan >

Butang Volum Naik/Turun

Butang Panggilan/Tamat

- Untuk panggilan masuk, tekan untuk menerima atau menamatkan panggilan.
- Apabila anda mendengar muzik, tekan untuk menghentikan main semula atau menyambung semula. Tekan dua kali untuk memainkan lagu seterusnya.

< Belakang >

Mikrofon

1 Masukkan plag set kepala seperti yang ditunjukkan di bawah.

2 Panel aplikasi dipaparkan dan anda boleh memilih aplikasi untuk dijalankan.

NOTA: Anda boleh mengedit aplikasi yang ingin dipaparkan pada panel dan menetapkan untuk tidak menunjukkan panel aplikasi. Sila lihat **< Aksesori >**.

3 Jika terdapat panggilan masuk apabila set kepala disambungkan pada telefon, tekan untuk menjawab panggilan.

4 Untuk menamatkan panggilan, tekan semula .

Plug & Pop

Plug & Pop membolehkan anda dengan cepat memilih aplikasi untuk digunakan apabila memasang fon telinga atau peranti On-the-Go, seperti tetikus atau papan kekunci.

1 Pasangkan fon telinga atau peranti OTG (On-the-Go) (seperti, tetikus, papan kekunci, dsb.).

2 Panel aplikasi akan dipaparkan dan anda boleh memilih aplikasi untuk dijalankan.

NOTA: Anda boleh mengedit aplikasi yang ingin dipaparkan pada panel dan menetapkan untuk tidak menunjukkan panel aplikasi.

- Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > tab **Umum** > **Aksesori** > **USB storan** atau **Fon telinga**.

Skrin utama anda

Petua skrin sentuh

Di sini terdapat beberapa petua mengenai cara menavigasi telefon anda.

Ketik atau sentuh – Satu ketikan jari memilih item, pautan, pintasan dan huruf pada papan kekunci pada skrin.

Sentuh dan tahan – Sentuh dan tahan item pada skrin dengan mengetiknya dan tidak mengangkat jari anda sehingga tindakan berlaku. Contohnya, untuk membuka pilihan tersedia kenalan, sentuh dan tahan kenalan dalam senarai Kenalan sehingga menu konteks terbuka.

Seret – Sentuh dan tahan item buat seketika, lalu, tanpa mengangkat jari anda, gerakkan jari anda pada skrin sehingga anda mencapai kedudukan yang disasarkan. Anda boleh menyeret item pada skrin Utama untuk menukar kedudukannya.

Sapu atau luncurkan – Untuk sapu atau luncurkan, dengan pantas gerakkan jari anda merentasi permukaan skrin, tanpa berhenti semasa anda mula-mula mengetiknya (supaya anda tidak menyeretnya pula). Contohnya, anda boleh meluncur skrin ke atas atau ke bawah untuk menatal menerusi senarai, atau menyemak imbas melalui skrin Utama berbeza dengan menyapu dari kiri ke kanan (dan sebaliknya).

Ketik dua kali – Ketik dua kali untuk zum pada halaman web atau peta. Contohnya, dengan cepat ketik dua kali bahagian halaman web untuk melaraskan bahagian itu untuk disesuaikan dengan lebar skrin. Anda juga boleh dwiketik untuk zum masuk dan keluar semasa melihat gambar.

Cubit untuk Zum – Gunakan jari telunjuk dan ibu jari anda dalam gerakan mencubit atau mengembang untuk zum masuk atau keluar semasa menyemak imbas Peta atau gambar.

Putar skrin – Daripada banyak aplikasi dan menu, orientasi skrin akan dilaraskan mengikut orientasi fizikal peranti.

NOTA:

- Untuk memilih item, ketik bahagian tengah ikon.
- Jangan tekan terlalu kuat, skrin ketik cukup sensitif untuk mengesan ketikan yang ringan, namun teguh.
- Gunakan hujung jari anda untuk mengetik pilihan yang anda kehendaki. Berhati-hati supaya tidak mengetik kekunci lain.

Skrin Utama

Skrin utama ialah titik permulaan untuk banyak aplikasi dan fungsi serta membenarkan anda menambah item seperti pintasan aplikasi atau widget Google untuk memberikan anda akses segera kepada maklumat dan aplikasi. Ini ialah kanvas lalai dan dapat diakses dari sebarang menu dengan mengetik .

Skrin utama anda

Bar Status

Menunjukkan maklumat status telefon termasuk masa, kekuatan isyarat, status bateri dan ikon pemberitahuan.

Widget

Widget ialah aplikasi kendiri yang boleh diakses melalui skrin Aplikasi atau pada skrin Utama atau skrin utama yang dilanjutkan. Tidak seperti pintasan, Widget dipaparkan sebagai aplikasi atas skrin.

Ikon Aplikasi

Ketik ikon (aplikasi, folder, dsb.) untuk membuka dan menggunakannya.

Penunjuk Lokasi

Menunjukkan kanvas skrin Utama yang anda lihat.

Kawasan Kekunci Pantas

Menyediakan akses satu sentuhan pada fungsi dalam mana-mana kanvas skrin utama.

Kekunci Sentuh Depan

Skrin utama dilanjutkan

Sistem pengendalian menyediakan berbilang kanvas skrin Utama untuk menyediakan lebih banyak ruang untuk menambah ikon, widget dan banyak lagi.

- Luncurkan jari anda ke kiri atau ke kanan merentasi skrin Utama.

Menyesuaikan Skrin utama

Anda boleh menyesuaikan Skrin utama anda dengan menambah aplikasi, widget atau menukar kertas hias dinding.

Untuk menambah item pada skrin Utama anda

1 Sentuh dan tahan bahagian kosong pada Skrin utama.
2 Dalam menu Tambahkan Mod, pilih item yang anda ingin tambah. Kemudian anda akan melihat item yang ditambah pada Skrin utama.
3 Seret ia ke lokasi yang dikehendaki dan angkat jari anda.

PETUA! Untuk menambahkan ikon aplikasi pada Skrin utama pada menu Apl, sentuh dan tahan aplikasi yang anda ingin tambah.

Untuk mengalih keluar item daripada Skrin utama

- **Skrin utama** > sentuh dan tahan ikon yang anda ingin alih keluar > seret ia ke .

Untuk menambah aplikasi sebagai kekunci Pantas

- Daripada menu Aplikasi atau pada skrin Utama, sentuh dan tahan ikon aplikasi dan seretnya ke kawasan kekunci Pantas. Sehingga 7 aplikasi boleh ditambah.

Untuk mengalih keluar aplikasi dari kawasan kekunci Pantas

- Sentuh dan tahan kekunci pantas yang diinginkan dan seretnya ke .

NOTA: kekunci**Aplikasi** tidak boleh dialih keluar.

Untuk menyesuaikan ikon aplikasi pada skrin Utama

1 Sentuh dan tahan ikon aplikasi sehingga ia dibuka kunci dari kedudukan semasanya. Kemudian jatuhkannya pada skrin. Ikon pengeditan akan muncul di sudut kanan atas aplikasi.
2 Ketik semula ikon aplikasi dan pilih reka bentuk dan saiz ikon yang diinginkan.
3 Ketik **Pilih** untuk menyimpan perubahan.

Kembali ke aplikasi yang digunakan baru-baru ini

1 Sentuh dan tahan . Skrin akan menunjukkan pop timbul dengan ikon aplikasi yang anda gunakan baru-baru ini.
2 Ketik ikon untuk membuka aplikasinya. Atau ketik untuk kembali ke skrin sebelumnya.

Panel pemberitahuan

Pemberitahuan memberitahu anda tentang ketibaan mesej baru, acara kalendar dan penggera, di samping peristiwa yang sedang berlaku, seperti apabila anda sedang berada dalam panggilan.

Apabila pemberitahuan tiba, ikonnya akan muncul pada bahagian atas skrin. Ikon bagi pemberitahuan yang belum dibuka akan muncul di sebelah kiri dan ikon sistem seperti Wi-Fi atau kekuatan bateri ditunjukkan di sebelah kanan.

NOTA: Pilihan yang tersedia mungkin berbeza bergantung kepada kawasan atau pembekal perkhidmatan.

Membuka panel pemberitahuan

Sapu ke bawah dari bar status untuk membuka panel pemberitahuan.

Kawasan Togol Pantas

Ketik setiap kekunci togol pantas untuk menghidupkan/mematikannya. Sentuh dan tahan kekunci untuk mengakses menu tetapan fungsi. Untuk melihat lebih banyak kekunci togol, sapu ke kiri atau ke kanan. Ketik untuk mengalih keluar, menambah atau menyusun semula kekunci togol.

Aplikasi QSlide

Ketik aplikasi QSlide untuk membuka sebagai tetingkap kecil pada skrin anda. Ketik untuk mengalih keluar, menambah atau menyusun semula aplikasi QSlide.

Ketik untuk mengosongkan semua pemberitahuan.

Pemberitahuan

Pemberitahuan semasa disenaraikan, setiap satunya dengan keterangan ringkas. Ketik pemberitahuan untuk melihatnya.

Untuk menutup panel pemberitahuan, sentuh dan seret tab ke arah atas skrin.

Ikon penunjuk pada Bar Status

Ikon penunjuk muncul pada bar status di bahagian atas skrin untuk melaporkan panggilan tidak dijawab, mesej baru, acara kalendar, status peranti dan banyak lagi.

Skrin utama anda

Ikon yang dipaparkan di bahagian atas skrin memberi maklumat tentang status peranti. Ikon yang disenaraikan dalam jadual di bawah adalah ikon yang biasa didapati.

Ikon	Huraian	Ikon	Huraian
	Tiada kad SIM yang dimasukkan		Pendering disenyapkan
	Tiada isyarat rangkaian yang tersedia		Mod getar dihidupkan
	Mod pesawat dihidupkan		Bateri dicas sepenuhnya
	Disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi		Bateri sedang dicas
	Alat dengar berwayar disambungkan		Telefon disambungkan dengan PC melalui kabel USB
	Panggilan sedang dijalankan		Memuat turun data
	Panggilan tidak dijawab		Memuat naik data
	Bluetooth dihidupkan		GPS dihidupkan
	NFC dihidupkan		Menerima data lokasi dari GPS

	Amaran sistem		Data menyegerak
	Penggera ditetapkan		Mesej baru Gmail tersedia
	Mel suara baru tersedia		Mesej baru Hangouts tersedia
	Mesej baru teks atau multimedia		Pilih kaedah input
	Lagu sedang dimainkan		Kongsi kandungan DLNA
	Mobile hotspot aktif		Memainkan muzik DLNA

NOTA: Kedudukan ikon pada bar status mungkin berbeza mengikut fungsi atau perkhidmatan.

Papan kekunci atas skrin

Anda juga boleh memasukkan teks menggunakan papan kekunci atas skrin.
Papan kekunci atas skrin muncul secara automatik pada skrin apabila anda perlu memasukkan teks. Untuk memaparkan papan kekunci secara manual, hanya sentuh medan teks di mana anda hendak memasukkan teks.

Menggunakan pad kekunci & memasukkan teks

Ketik sekali untuk menjadikan huruf seterusnya yang anda taip dalam huruf besar. Ketik dua kali untuk membuatkan semua huruf besar.

abc #!? Ketik untuk beralih kepada tanda dan papan kekunci simbol.

Ketik untuk bertukar kepada mod tulisan tangan.

Ketik untuk memasukkan ruang.

Ketik untuk memadam aksara yang sebelumnya.

Memasukkan huruf aksen

Apabila anda memilih bahasa Perancis atau Sepanyol sebagai bahasa masukan teks, anda boleh memasukkan aksara istimewa Perancis atau Sepanyol (seperti “á”).
Contohnya, untuk memasukkan "á", sentuh dan tahan kekunci "a" sehingga kekunci zum masuk menjadi semakin besar dan memaparkan aksara daripada pelbagai bahasa.
Kemudian pilih aksara khas yang anda inginkan.

Persediaan akaun Google

Apabila anda menghidupkan telefon anda buat pertama kali, anda mempunyai peluang untuk mengaktifkan rangkaian, mendaftar masuk ke Akaun Google anda dan memilih cara anda menggunakan sesetengah perkhidmatan Google.

Untuk menyediakan akaun Google anda:

- Mendaftar masuk ke Akaun Google daripada skrin persediaan yang digesa.

  ATAU
- Ketik > > tab **Apl** > pilih aplikasi Google, seperti **Gmail** > pilih **Baharu** untuk mencipta akaun baru.

Jika anda mempunyai akaun Google, ketik **Sedia ada**, masukkan alamat e-mel dan kata laluan anda, kemudian ketik .

Setelah anda menyediakan akaun Google anda pada telefon anda, telefon anda akan secara automatik menyegerak dengan akaun Google anda di Web.

Kenalan anda, mesej Gmail, acara Kalendar, dan maklumat lain daripada aplikasi dan perkhidmatan di Web akan disegerakkan dengan telefon anda. (Ini bergantung pada tetapan penyegerakan anda.)

Selepas mendaftar masuk, anda boleh menggunakan Gmail™ dan mengambil manfaat daripada perkhidmatan Google pada telefon anda.

Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti

Wi-Fi

Dengan Wi-Fi, anda boleh menggunakan akses Internet kelajuan tinggi dalam liputan titik akses wayarles (AP). Nikmati Internet wayarles menggunakan Wi-Fi, tanpa caj tambahan.

Menyambung ke rangkaian Wi-Fi

Untuk menggunakan Wi-Fi pada telefon anda, anda perlu mengakses titik akses wayarles atau 'hotspot'. Sesetengah pusat akses adalah terbuka dan anda hanya perlu menyambung padanya. Yang lain adalah tersembunyi atau menggunakan ciri keselamatan, jadi anda hendaklah mengkonfigurasi telefon anda agar dapat menyambung kepadanya.

Matikan Wi-Fi apabila anda tidak menggunakannya, untuk melanjutkan hayat bateri anda.

NOTA: Jika anda di luar zon Wi-Fi atau anda menetapkan Wi-Fi kepada **OFF**, caj tambahan akan dikenakan oleh operator mudah alih anda bagi penggunaan data mudah alih.

Menghidupkan Wi-Fi dan menyambung kepada rangkaian Wi-Fi

1. Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > **Rangkaian** tab > **Wi-Fi**.
2. Tetapkan **Wi-Fi** kepada **ON** untuk hidupkannya dan mula mengimbas untuk rangkaian Wi-Fi yang tersedia.
3. Ketik menu Wi-Fi sekali lagi untuk melihat senarai rangkaian Wi-Fi yang aktif dan di dalam lingkungan.
   - Rangkaian selamat ditandakan oleh ikon kunci.
4. Ketik rangkaian untuk menyambung padanya.
   - Jika rangkaian selamat, anda digesa untuk memasukkan kata laluan atau kelayakan lain. (Tanyakan pentadbir rangkaian anda untuk mendapatkan butiran)
5. Bar status memaparkan ikon yang menandakan status Wi-Fi.

Bluetooth

Anda boleh menggunakan Bluetooth untuk menghantar data dengan menjalankan aplikasi yang sepadan, bukan daripada menu Bluetooth seperti mana kebanyakan telefon mudah alih yang lain.

NOTA:

- LG tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan, pintasan, atau penyalahgunaan data yang dihantar atau diterima melalui ciri wayarles Bluetooth.
- Sentiasa pastikan bahawa anda berkongsi dan menerima data dengan peranti yang dipercayai dan dilindungi dengan sempurna. Jika terdapat halangan antara peranti, jarak operasi boleh dikurangkan.
- Beberapa peranti, terutamanya yang tidak diuji atau diluluskan oleh Bluetooth SIG, mungkin tidak serasi dengan peranti anda.

Menghidupkan Bluetooth dan memperpasangkan telefon anda dengan peranti Bluetooth

Anda hendaklah memasangkan peranti anda dengan peranti lain sebelum anda menyambung padanya.

1. Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > **Rangkaian** tab > tetapkan **Bluetooth** kepada **HIDUPKAN**.
2. Ketik menu **Bluetooth** sekali lagi. Anda akan melihat pilihan untuk menjadikan telefon anda kelihatan dan pilihan untuk mencari peranti. Sekarang ketik **Mencari peranti** untuk melihat peranti dalam Lingkungan Bluetooth.
3. Pilih peranti yang hendak anda perpasang daripada senarai.

Setelah dipasangkan berjaya, peranti anda akan disambungkan kepada peranti lain.

NOTA: Sesetengah peranti, terutamanya alat dengar atau kit kereta bebas tangan, mungkin mempunyai PIN Bluetooth yang ditetapkan, seperti 0000. Jika peranti yang satu lagi mempunyai PIN, anda akan diminta untuk memasukkannya.

Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti

Hantar data menggunakan ciri wayarles Bluetooth.

1 Pilih fail atau item, seperti kenalan, acara kalendar atau fail media daripada aplikasi yang bersesuaian atau daripada **Muat turun**.

2 Pilih pilihan untuk menghantar data melalui Bluetooth.

NOTA: Kaedah untuk memilih pilihan mungkin berbeza mengikut jenis data.

3 Cari dan pasangkan dengan peranti yang didayakan Bluetooth.

Terima data menggunakan ciri wayarles Bluetooth.

1 Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > **Rangkaian** tab > tetapkan **Bluetooth** kepada **HIDUPKAN**.

2 Ketik menu **Bluetooth** sekali lagi dan tandakan kotak tanda di bahagian atas skrin untuk membuat telefon anda boleh dilihat pada peranti lain.

NOTA: Untuk memilih tempoh masa bagi peranti anda kelihatan, ketik > **Keterlihatan tamat masa.**

3 Pilih **Terima** untuk mengesahkan bahawa anda bersedia untuk menerima data daripada peranti.

Berkongsi sambungan data telefon anda

Penambatan USB & kawasan istimewa Wi-Fi Mudah Alih adalah ciri-ciri yang hebat apabila tidak terdapat sambungan wayarles. Anda dapat berkongsi sambungan data mudah alih telefon anda dengan satu komputer sahaja melalui kabel USB (penambatan USB). Anda juga boleh berkongsi sambungan data telefon anda dengan lebih daripada satu peranti sekali gus, dengan menjadikan telefon anda ke dalam kawasan istimewa Wi-Fi mudah alih.

Apabila telefon anda berkongsi sambungan datanya, suatu ikon akan muncul dalam bar status dan sebagai pemberitahuan berterusan dalam pelukis pemberitahuan.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai penambatan dan hotspot mudah alih, termasuk sistem pengendalian yang disokong dan butiran lain, layari http://www.android.com/tether.

Untuk berkongsi sambungan data telefon anda sebagai hotspot Wi-Fi mudah alih

1 Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > **Rangkaian** tab > **Penambat & Rangkaian** > **Wi-Fi hotspot** untuk mengaktifkan.

2 Masukkan kata laluan dan ketik **Simpan**.

PETUA! Jika komputer anda menjalankan Windows 7 atau edaran baru beberapa jenis Linux (seperti Ubuntu), anda biasanya tidak perlu menyediakan komputer anda untuk penambatan. Tetapi jika anda menjalankan versi Windows yang lebih awal atau sistem pengendalian yang lain, anda mungkin perlu menyediakan komputer anda untuk memulakan sambungan rangkaian melalui USB. Untuk maklumat terkini tentang sistem pengendalian mana yang menyokong penambatan USB dan cara menyediakan konfigurasinya, layari http://www.android.com/tether.

Untuk menamakan semula atau menjamin keselamatan hotspot mudah alih anda

Anda boleh menukar nama rangkaian Wi-Fi telefon anda (SSID) dan melindungi keselamatan rangkaian Wi-Finya.

1 Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > **Rangkaian** tab > **Penambat & Rangkaian** > **Wi-Fi hotspot**.

2 Ketik **Tetapkan titik utama Wi-Fi**.
- Kotak dialog **Tetapkan titik utama Wi-Fi** akan terbuka.
- Anda boleh menukar **Rangkaian SSID** (nama) yang dilihat oleh peranti lain semasa mengimbas rangkaian Wi-Fi.
- Anda juga boleh mengetik menu **Keselamatan** untuk mengkonfigurasikan rangkaian dengan keselamatan Akses Dilindungi Wi-Fi 2 (WPA2) dengan kunci yang diprakongsi (PSK).
- Jika anda menyentuh pilihan keselamatan **WPA2 PSK**, medan kata laluan akan ditambahkan kepada kotak dialog **Tetapkan titik utama Wi-Fi**. Jika anda memasukkan kata laluan, anda akan perlu memasukkan kata laluan tersebut apabila anda menyambung kepada hotspot telefon dengan komputer atau peranti lain. Anda boleh set **Buka** pada menu **Keselamatan** untuk mengalih keluar ciri keselamatan daripada rangkaian Wi-Fi anda.

3 Ketik **Simpan**.

PERHATIAN! Jika anda menetapkan pilihan keselamatan sebagai Buka, anda tidak dapat menghalang penggunaan perkhidmatan dalam talian yang tidak sah oleh orang lain dan caj tambahan mungkin akan dikenakan. Untuk mengelakkan penggunaan tidak sah, anda dinasihatkan agar mengekalkan pilihan keselamatan ini sebagai aktif.

Wi-Fi Langsung

Wi-Fi Direct menyokong sambungan terus antara peranti yang didayakan Wi-Fi tanpa memerlukan pusat akses. Disebabkan penggunaan bateri yang tinggi oleh Wi-Fi direct, anda disyorkan untuk memasang telefon anda ke alur keluar kuasa sementara menggunakan ciri Wi-Fi Direct. Semak rangkaian Wi-Fi & Wi-Fi Directed anda terlebih dahulu dan pastikan pengguna dismabungkan ke rangkaian yang sama.

Untuk menghidupkan Wi-Fi Direct:

1 Pada Skrin utama, ketik **Kekunci Menu** > **Tetapan sistem** > **Wi-Fi.**
2 Ketik **Wi-Fi Direct** di bahagian bawah skrin.
3 Pilih peranti yang hendak disambungkan dalam senarai peranti yang diimbas.

SmartShare

Anda boleh menggunakan ciri SmartShare dengan mudah di dalam Galeri, Muzik, apl Video, dll.

Menikmati kandungan melalui pelbagai peranti

Anda boleh berkongsi kandungan telefon anda dengan pelbagai peranti.

Ketik untuk berkongsi kandungan di dalam Galeri, Muzik, Video, POLARIS Viewer 5.

Memainkan/Menghantar

Main: Anda boleh memainkan kandungan melalui TV, pembesar suara Bluetooth dll.

Pancaran: Anda boleh menghantar kandungan kepada peranti yang menyokong Bluetooth dan SmartShare Beam.

- **Pancaran SmartShare:** Ciri memindahkan kandungan melalui Wi-Fi Direct adalah pantas.

< Main >

< Pancaran >

Menikmati kandungan daripada Peranti berhampiran

Anda boleh menikmati kandungan peranti yang berdekatan (cth. PC.NAS, Mudah Alih) di apl **Galeri**, **Muzik**, **Video**.

Menyambungkan peranti

Sambung peranti anda dan peranti lain yang disokong oleh DLNA di dalam rangkaian Wi-Fi yang sama.

Mencari peranti lain

1 Ketik Peranti Berhampiran, kemudian anda dapat melihat peranti yang disokong DLNA.

2 Sambung pada peranti untuk melihat kandungan tersebut.

Sambungan PC dengan kabel USB

Ketahui cara menyambungkan peranti anda ke PC dengan kabel USB dalam mod sambungan USB.

Memindahkan muzik, gambar dan video menggunakan mod penyimpanan massa USB

1 Sambungkan telefon anda ke PC menggunakan kabel USB.
2 Jika anda belum memasang Pemacu Platform Android LG pada PC anda, anda akan diminta untuk menukar tetapan secara manual. Pilih tab **Tetapan sistem** > **Umum** > **Sambungan PC** > **Pilih kaedah sambungan USB**, kemudian pilih **Penyegerakan media (MTP)**.
3 Anda kini akan dapat melihat kandungan penyimpanan massa pada PC anda dan memindahkan fail tersebut.

Segerakkan dengan Windows Media Player

Pastikan Windows Media Player dipasangkan pada PC anda.

1 Gunakan kabel USB untuk menyambungkan telefon kepada PC yang telah memasang Windows Media Player.
2 Pilih pilihan **Penyegerakan media (MTP)**. Apabila bersambung, tetingkap timbul akan muncul pada PC.
3 Buka Windows Media Player untuk menyegerakkan fail muzik.
4 Edit atau masukkan nama peranti anda dalam tetingkap timbul (jika perlu).
5 Pilih dan seret fail muzik yang anda inginkan kepada senarai penyegerakan.
6 Mulakan penyegerakan.

- Keperluan berikut mestilah dipenuhi untuk menyegerak dengan Windows Media Player.

Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti

Item	Keperluan
OS	Microsoft Windows XP SP2, Vista atau lebih tinggi
Versi Windows Media Player	Windows Media Player 10 atau lebih tinggi

- Jika versi Windows Media Player lebih rendah daripada 10, pasang versi 10 atau lebih tinggi.

Panggilan

Membuat panggilan

1 Ketik untuk membuka pad kekunci.
2 Masukkan nombor menggunakan pad kekunci. Untuk memadam satu digit, ketik .
3 Ketik untuk membuat panggilan.
4 Untuk menamatkan panggilan, ketik ikon **Tamat** .

PETUA! Untuk memasukkan "+" ketika membuat panggilan antarabangsa, sentuh dan tahan 0+.

Membuat panggilan kepada kenalan anda

1 Ketik untuk membuka kenalan anda.
2 Tatal melalui senarai kenalan atau masukkan huruf pertama kenalan yang anda ingin panggil dengan mengetik **Cari kenalan**.
3 Dalam senarai, ketik yang ingin anda hubungi.

Menjawab dan Menolak Panggilan

Apabila anda menerima panggilan dalam keadaan Kunci, sapu dalam mana-mana arah untuk Jawab panggilan masuk.
Sapu dalam mana-mana arah untuk Tolak panggilan masuk.
Seret ikon **Tidak menerima dengan mesej** dari bawah jika anda ingin menghantar mesej.

PETUA! Tolak dengan mesej
Anda boleh menghantar mesej dengan cepat menggunakan fungsi ini. Ini berguna jika anda perlu menolak panggilan dengan mesej semasa mesyuarat.

Melaraskan volum panggilan masuk

Untuk melaraskan volum panggilan dalam semasa dalam panggilan, gunakan kekunci volum naik dan turun di bahagian belakang telefon.

Membuat panggilan kedua

1 Semasa panggilan pertama anda, ketik **kekunci Menu** > **Tambah panggilan** dan dail nombor tersebut. Anda juga boleh melihat senarai nombor telefon yang didail baru-baru ini dengan mengetik atau mencari kenalan dengan mengetik dan memilih kenalan yang ingin anda hubungi.

2 Ketik untuk membuat panggilan.

3 Kedua-dua panggilan akan dipaparkan pada skrin panggilan. Panggilan pertama anda akan dikunci dan ditunda.

4 Ketik nombor yang dipaparkan untuk beralih antara panggilan. Atau ketik **Gabungkan panggilan** untuk memulakan panggilan persidangan.

5 Untuk menamatkan panggilan aktif, ketik **Tamat** atau ketik dan luncurkan bar pemberitahuan ke bawah dan pilih ikon **Tamat panggilan**.

NOTA: anda akan dikenakan bayaran bagi setiap panggilan yang anda buat.

Melihat log panggilan anda

Pada skrin utama, ketik dan pilih tab **Log panggilan** .
Lihat senarai lengkap bagi semua panggilan didail, diterima dan tidak dijawab.

PETUA!

- Ketik mana-mana entri log untuk melihat tarikh, masa dan tempoh panggilan.
- Ketik **kekunci Menu** , kemudian ketik **Padam semua** untuk memadam semua item yang direkodkan.

Tetapan panggilan

Anda boleh mengkonfigurasi tetapan panggilan telefon seperti pemajuan panggilan, selain ciri istimewa lain yang ditawarkan oleh pembawa rangkaian anda.

1 Pada skrin Utama, ketik .
2 Ketik .
3 Ketik **Tetapan panggilan** dan pilih pilihan yang hendak anda laraskan.

Kenalan

Tambah kenalan pada telefon anda dan segerakkannya dengan kenalan dalam Akaun Google anda atau akaun lain yang menyokong penyegerakan kenalan.

Mencari Kenalan

Pada skrin Utama

1 Ketik untuk membuka kenalan anda.
2 Ketik **Cari kenalan** dan masukkan nama kenalan menggunakan papan kekunci.

Tambah Kenalan Baru

1 Ketik , masukkan nombor telefon kenalan baru, lalu ketik **kekunci Menu** . Ketik Tambah pada **Tambah ke kenalan** > **Kenalan baru**.
2 Jika anda ingin menambah gambar pada kenalan baru, ketik kawasan imej. Pilih daripada **Ambil gambar** atau **Pilih dari Galeri**.
3 Pilih jenis kenalan dengan mengetik .
4 Ketik kategori maklumat kenalan dan masukkan butiran mengenai kenalan anda.
5 Ketik **Simpan**.

Kenalan kegemaran

Anda boleh mengklasifikasikan kenalan yang kerap dipanggil sebagai kegemaran.

Menambah kenalan pada kegemaran anda

1 Ketik untuk membuka kenalan anda.
2 Ketik kenalan untuk melihat butirannya.
3 Ketik bintang di penjuru kanan nama kenalan. Bintang akan bertukar menjadi kuning.

Untuk mengeluarkan kenalan daripada senarai kegemaran anda

1 Ketik untuk membuka kenalan anda.
2 Ketik tab dan pilih kenalan untuk melihat butirannya.
3 Ketik bintang berwarna kuning di penjuru kanan nama kenalan. Bintang kembali kelabu dan kenalan ini dikeluarkan daripada kegemaran anda.

Membuat kumpulan

1 Ketik untuk membuka kenalan anda.
2 Ketik **Kumpulan** dan ketik **kekunci Menu** . Pilih **Kumpulan baru**.
3 Masukkan nama untuk kumpulan baru. Anda juga boleh menetapkan nada dering untuk kumpulan yang baru dicipta.
4 Ketik **Simpan** untuk menyimpan kumpulan tersebut.

NOTA: Jika anda memadam kumpulan, kenalan yang dimasukkan kepada kumpulan itu tidak akan hilang. Mereka akan kekal dalam kenalan anda.

Mesej

Telefon anda menggabungkan SMS dan MMS ke dalam satu menu intuitif yang mudah digunakan.

Menghantar mesej

1 Ketik pada skrin Utama dan ketik untuk membuka mesej kosong.
2 Masukkan nama kenalan atau nombor panggilan dalam medan **Hingga**. Setelah anda memasukkan nama kenalan, kenalan yang sepadan akan muncul. Anda boleh mengetik penerima yang dicadangkan. Anda boleh menambahkan lebih daripada satu kenalan.

NOTA: Anda akan dikenakan caj bagi setiap orang yang dihantar mesej teks tersebut.

3 Ketik medan **Tulis Mesej** dan mula mengarang mesej anda.
4 Ketik untuk membuka menu Pilihan. Pilih daripada **Mesej segera**, **Memasukkan senyuman**, **Penghantaran dijadual**, **Tambah subjek** dan **Buang**.

PETUA! Anda boleh ketik ikon untuk melampirkan fail yang anda ingin kongsi bersama mesej.

5 Ketik **Hantar** untuk menghantar mesej anda.
6 Maklum balas akan muncul pada skrin. Semasa anda melihat dan menghantar mesej tambahan, urutan mesej akan diwujudkan.

AMARAN:
- Had 160 aksara mungkin berbeza dari negara ke negara bergantung kepada bahasa dan cara SMS dikodkan.
- Jika fail imej, video, atau audio ditambah pada mesej SMS, ia akan secara automatik ditukar menjadi mesej MMS, dan akan dikenakan bayaran sewajarnya.

Peti teruntai

Mesej (SMS, MMS) yang ditukar dengan pihak lain boleh dipaparkan dalam turutan kronologi agar anda boleh melihat gambaran keseluruhan perbualan anda dengan mudah.

Menukar tetapan mesej anda

Tetapan mesej telefon anda dipratentukan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Anda boleh menukar tetapan ini mengikut keutamaan anda.

- Ketik ikon **Mesej** pada skrin utama, ketik lalu ketik **Tetapan**.

E-mel

Anda boleh menggunakan aplikasi E-mel untuk membaca e-mel dari perkhidmatan seperti Gmail. Aplikasi E-mel menyokong jenis akaun berikut: POP3, IMAP dan Exchange.

Penyedia perkhidmatan atau pentadbir sistem anda akan dapat menyediakan tetapan akaun yang anda perlukan.

Menguruskan akaun e-mel

Untuk menambah satu lagi akaun e-mel:

- Ketik > > tab **Apl** > **E-mail** > ketik > **Tetapan >** **Tambah akaun**.

Untuk menukar tetapan akaun e-mel:

- Ketik > > tab **Apl** > **E-mail** > ketik > **Tetapan** > **Tetapan Umum**.

Untuk memadamkan akaun e-mel:

- Ketik > > tab **Apl** > **E-mail** > ketik > **Tetapan** > ketik > **Keluarkan akaun** > Pilih akaun untuk dipadam > **Buang** > pilih **Ya**.

Menggunakan folder akaun

Ketik > > tab **Apl** > **E-mail** > ketik dan pilih **Folder**.

Setiap akaun mempunyai folder Peti masuksx, Peti keluar, Dihantar dan Draf. Bergantung pada ciri-ciri yang disokong oleh penyedia perkhidmatan akaun anda, anda boleh mempunyai folder tambahan.

Mengarang dan menghantar e-mel

Untuk menggubah dan menghantar mesej

1 Semasa dalam aplikasi **E-mel**, ketik .
2 Masukkan alamat penerima mesej. Sambil anda memasukkan teks, alamat sepadan akan dicadangkan daripada Kenalan anda. Pisahkan berbilang alamat dengan tanda koma bertitik.
3 Ketik untuk menambah Sk/Skt dan ketik untuk melampirkan fail, jika diperlukan.
4 Masukkan teks bagi mesej.
5 Ketik .

PETUA! Apabila e-mel baru sampai ke dalam Peti masuk, anda akan menerima pemberitahuan bunyi atau getaran.

Kamera

Ciri Titik Berbilang AF (Auto Fokus) membolehkan anda mendapat gambar yang lebih terang dan semula jadi walaupun objek tidak berada di tengah-tengah.
Untuk membuka aplikasi Kamera, ketik **Kamera** pada skrin Utama.

Mengenali pencari pandangan

1. **Flash** – Pilih daripada **Matikan**, **Hidupkan**, **Auto**.
2. **Tukar kamera** – Tukar di antara kanta kamera belakang dan depan.
3. **Mod tangkapan** – Pilih daripada **Normal**, **Tangkap & Koso.**, **Nada dinamik (HDR), Panorama**, **VR Panorama**, **Tangkapan bert.**, **Tangkapan cantik**, **Kamera Dwi**, **Tangkapan mas.**, **Auto pintar**, **Tenggelam mat.** atau **Malam**.
4. **Tetapan** – Ketik ikon ini untuk membuka menu tetapan.
5. **Mod video** – Ketik dan luncurkan ikon ini ke bawah untuk bertukar kepada mod video.
6. **Butang tangkap**
7. **Galeri** – Ketik untuk melihat foto terakhir yang anda tangkap. Ini membolehkan anda mengakses galeri anda dan melihat foto yang disimpan dari dalam mod kamera.

NOTA: Sila pastikan kanta kamera dalam keadaan bersih sebelum mengambil gambar.

Menggunakan tetapan lanjutan

Dalam pencari pandangan, ketik untuk membuka pilihan lanjutan. Anda boleh menukar tetapan kamera dengan menatal melalui senarai ini. Selepas memilih pilihan, ketik .

	Untuk mengambil foto, sebut salah satu perkataan berikut: Cheese, Smile, Whisky, Kimchi atau LG.
	Menentukan dan mengawal jumlah cahaya matahari yang memasuki gambar.
	Ketik untuk memilih mod fokus.
W10M	Memilih resolusi foto. Jika anda memilih resolusi tinggi, saiz fail akan bertambah, yang akibatnya kurang bilangan gambar yang dapat disimpan dalam memori.
	Pengadaran ISO menentukan kepekaan sensor cahaya kamera. Semakin tinggi ISO, semakin sensitif kamera itu. Ini berguna dalam keadaan lebih gelap apabila anda tidak dapat menggunakan denyar.
AWB	Memperbaiki kualiti warna dalam keadaan pencahayaan yang berbeza.
	Memberi kesan artistik kepada gambar anda.
	Menetapkan masa tunda selepas butang tangkap ditekan. Ini sangat sesuai jika anda juga mahu bergambar sama.

	Aktifkan yang ini untuk menggunakan perkhidmatan berasaskan lokasi telefon anda. Ambil gambar di mana sahaja anda berada dan tag ia bersama lokasi. Jika anda memuat naik gambar yang ditag pada blog yang menyokong Geo-tag, anda boleh melihat gambar tersebut dipaparkan di atas peta. **NOTA:** Fungsi ini hanya tersedia apabila fungsi GPS aktif.
	Memilih bunyi pengatup.
	Tetapkan Kekunci Volum sama ada digunakan untuk menangkap atau mengezum.
	Buka panduan bantuan untuk mengetahui cara sesuatu fungsi beroperasi.
	Simpan semula semua tetapan lalai kamera.

PETUA!

- Apabila anda keluar dari kamera, beberapa tetapan kembali kepada nilai lalainya, seperti kecerahan, fokus, ISO, imbangan putih, kesan warna, pemasa dan mod syot. Periksa yang berikut ini sebelum mengambil foto anda yang seterusnya.
- Menu tetapan bertindan dengan pencari pandangan, jadi apabila anda menukar elemen warna imej atau kualiti, anda akan dapat melihat pratonton pertukaran imej di belakang menu Tetapan.

Menangkap fotopantas

1 Buka aplikasi **Kamera** dan halakan kanta ke arah subjek yang hendak diambil gambarnya.
2 Kotak fokus akan muncul di tengah skrin pencari pandangan. Anda juga boleh mengetik di mana-mana bahagian pada skrin untuk memfokus titik itu.
3 Apabila peti fokus bertukar menjadi hijau, kamera telah memfokus pada subjek anda.
4 Ketik untuk menangkap gambar.

Menggunakan mod Tangkap & Kosongkan

Ciri ini membolehkan kamera mengenal pasti objek yang mungkin tidak diingini dalam foto anda. Selepas mengambil foto, ketik objek yang digariskan* untuk membuangnya, kemudian simpan foto.

1 Buka aplikasi Kamera.
2 Ketik MOD > **Tangkap & Koso.**.
3 Ketik untuk mengambil gambar.
4 Ketik mana-mana objek yang digariskan untuk membuangnya daripada foto, kemudian ketik .

* Apabila mengambil gambar, objek bergerak akan ditunjukkan dalam garisan putus-putus.

NOTA

- Ambil gambar selepas menetapkan kamera pada satu tempat.
- Jika warna subjek serupa dengan latar belakang, mungkin hanya sebahagian sahaja dapat dikesan atau ia mungkin sukar dipadam.
- Jika subjek bergerak terlalu kecil atau terlalu besar, ia mungkin sukar dipadam.
- Jika subjek bergerak secara tidak ketara, ia mungkin tidak boleh dikesan.

Menggunakan mod Dwi kamera

Membolehkan anda mengambil gambar dengan kamera depan dan belakang secara serentak dan digabungkan dalam satu gambar.

1 Buka aplikasi **Kamera**.
2 Ketik MOD > **Kamera Dwi**.
3 Kotak pencari pandangan kecil muncul pada skrin pencari pandangan utama. Sediakan tangkapan anda.

- Seret pencari pandangan kecil ke tempat yang anda inginkan dalam gambar.
- Sentuh dan tahan pencari pandangan kecil untuk mengubah saiz, jika perlu.
- Ketik pencari pandangan kecil untuk menukar kanta antara pencari pandangan utama dan pencari pandangan kecil.

4 Ketik untuk mengambil gambar yang digabungkan.

Menggunakan mod Syot tangkapan masa

Tetapkan kamera untuk menangkap detik-detik hilang dengan mengambil lima gambar berurutan sebelum diketik.

1 Buka aplikasi **Kamera**.
2 Ketik MOD > **Tangkapan mas.**.
3 Ketik untuk mengambil gambar.
4 Untuk melihat detik-detik sejurus sebelum gambar diambil, ketik imej kecil di bahagian bawah skrin Kamera.
5 Pilih gambar yang anda hendak simpan, kemudian ketik di bahagian atas skrin.

Setelah anda mengambil gambar

Tepukkan imej di dasar skrin Kamera untuk melihatkan foto terakhir anda mengambil.

	Ketik untuk berkongsi foto anda menggunakan fungsi **SmartShare**.
	Ketik untuk terus mengambil foto lain.
	Ketik untuk menghantar foto anda kepada orang lain atau berkongsinya melalui perkhidmatan rangkaian sosial.
	Ketik untuk memadamkan foto.

PETUA! Jika anda mempunyai akaun SNS dan menetapkannya pada telefon anda, anda boleh berkongsi foto anda dengan komuniti SNS anda.

NOTA: Caj tambahan mungkin akan dikenakan semasa mesej MMS dimuat turun ketika dalam perayauan.

Ketik kekunci Menu untuk membuka semua pilihan lanjutan.

Tetapkan imej sebagai – Ketik untuk menggunakan foto sebagai **foto kenalan, Hias latar skrin utama** atau **Kertas dinding skrin kunci** atau **Kertas dinding**.

Pindah – Ketik untuk memindahkan foto ke tempat lain.

Salin – Ketik untuk menyalin foto yang dipilih dan menyimpannya ke dalam album lain.

Salin ke Klip dulang – Ketik untuk menyalin foto dan menyimpannya dalam Dulang Klip.

Namakan semula – Ketik untuk mengedit nama gambar yang dipilih.

Putar Kiri/Kanan – Untuk memutar ke kiri atau kanan.

Kerat – Pangkas foto anda. Gerakkan jari anda merentasi skrin untuk memilih kawasan yang hendak dipangkas.

Edit – Lihat dan edit foto.

Pertunjukan slaid – Menunjukkan kepada anda imej dalam folder semasa satu per satu secara automatik.

Tambah lokasi – Untuk menambah maklumat lokasi.

Butiran – Dapatkan maklumat lanjut mengenai fail.

Daripada Galeri anda

Ketik **Galeri** dan pilih **Kamera**.

- Untuk melihat lebih banyak foto, tatal ke kiri atau ke kanan.
- Untuk zum masuk atau keluar, dwiketik skrin atau letakkan dua jari dan jarakkannya (rapatkan jari anda untuk zum keluar).

Kamera video

Mengenali pencari pandangan

1. **Flash** – Pilih daripada **Matikan**, **Hidupkan**, **Auto**.
2. **Tukar kamera** – Tukar di antara kanta kamera belakang dan depan.
3. **Mod rakaman** – Pilih daripada **Normal**, **Kesan langsung**, **Dwi Rakaman** atau **Zum Penjejakan**.
4. **Tetapan** – Ketik ikon ini untuk membuka menu tetapan.
5. **Mod kamera** – Ketik dan luncurkan ikon ini ke atas untuk bertukar kepada mod kamera.
6. **Mula merakam**
7. **Galeri** – Ketik untuk melihat video terakhir yang anda rakamkan. Ini membolehkan anda mengakses galeri anda dan melihat foto yang disimpan semasa dalam mod kamera.

PETUA!
Semasa membuat rakaman video, letakkan dua jari pada skrin dan cubit untuk menggunakan fungsi Zum.

Menggunakan tetapan lanjutan

Menggunakan pencari pandangan, ketik untuk membuka semua pilihan lanjutan.

	Ketik untuk menghidupkan ciri zum Audio. Anda boleh merekodkan bunyi yang anda inginkan sahaja dengan jelas dan kuat. Selepas menghidupkan ini, fokus kepada subjek yang anda ingin zum, di dalam bulatan biru. Untuk zum masuk pada bunyi dan juga pandangan, cubit masuk. **NOTA** • Tidak merangkumi mikrofon di kedua-dua bahagian.
FHD	Ketik untuk menetapkan saiz (dalam piksel) video yang anda rakam. **NOTA** • Bila UHD ditetapkan, rakaman video dihadkan 5 minit. • Object tracking dinyahdayakan dalam UHD, QVGA, QCIF. • Butang tangkapan imej dinyahdayakan dalam UHD, FHD(60fps), QVGA, QCIF.
	Menentukan dan mengawal jumlah cahaya matahari yang memasuki kanta. Luncurkan penunjuk kecerahan sepanjang bar ke arah “-” untuk kecerahan video yang lebih rendah, atau ke arah “+” untuk kecerahan video yang lebih tinggi.
	Ketik untuk menghidupkan ciri Anti-gegar. Ia mengelakkan gegaran semasa rakaman video untuk mendapatkan kualiti video yang tinggi.
AWB	Memperbaiki kualiti warna dalam keadaan pencahayaan yang berbeza.
	Pilih nada warna yang hendak digunakan bagi paparan baru anda.
	Aktifkan yang ini untuk menggunakan perkhidmatan berasaskan lokasi telefon anda.

	Tetapkan Kekunci Volum sama ada digunakan untuk merakam atau mengezum.
	Buka panduan bantuan untuk mengetahui cara sesuatu fungsi beroperasi.
	Simpan semula semua tetapan lalai kamera.

Merakam video pantas

1 Buka aplikasi **Kamera** dan luncurkan butang **Mod video**.
2 Pencari pandangan kamera video akan muncul pada skrin.
3 Dengan memegang telefon, halakan kanta ke arah subjek yang hendak anda tangkap dalam video anda.
4 Ketik sekali untuk memulakan rakaman.
5 Lampu merah akan muncul di sudut atas kiri pencari pandangan dengan pemasa menunjukkan tempoh video.
6 Ketik pada skrin untuk berhenti merakam.

PETUA!
– Ketik untuk menangkap imej semasa merakam video.
– Ketik untuk menjeda semasa merakam video.

Selepas merakam video

Di pemidang tilik, tepukkan video di dasar skrin untuk melihatkan video terakhir anda mengambil.

	Ketik untuk berkongsi video anda menggunakan fungsi **SmartShare**.
	Ketik untuk merakam video yang lain dengan serta-merta.

Kamera video

	Ketik untuk menghantar video anda kepada orang lain atau berkongsinya melalui perkhidmatan rangkaian sosial.
	Ketik untuk memadam video.

Daripada Galeri anda

Ketik **Galeri** dan pilih **Kamera**. Ketik pada ikon main video untuk memainkan video.

Melaraskan volum semasa melihat video

Untuk melaraskan volum video semasa bermain, gunakan kekunci volum di belakang belakang telefon.

Menggunakan Zum Audio

Fokuskan rakaman audio di kawasan tertentu yang dipilih, ini akan meningkatkan kepekaan mikrofon dan mengurangkan hingar latar belakang.

1 Buka aplikasi **Kamera** dan tukar ke mod video
2 Ketik > Zum audio dan pilih Hidupkan.
3 Ketik ruang kosong pada pencari pandangan untuk menutup tetingkap pop timbul Tetapan.
4 Pegang telefon secara mendatar dan ketik untuk mula merakam.
5 Fokus subjek yang anda ingin zum masuk di dalam bulatan biru. Kemudian, cubit untuk mengezum masuk bagi meningkatkan kepekaan bunyi dan menurunkan hingar.
6 Ketik untuk menghentikan rakaman.

NOTA

- Jangan tutup mikrofon sisi semasa menggunakan ciri ini.
- Anda mesti merakam dalam orientasi landskap untuk menggunakan fungsi ini.

Menggunakan mod Dwi rakaman

Membolehkan anda merakam video dengan kamera depan dan belakang secara serentak dan digabungkan dalam satu rakaman.

1 Buka aplikasi **Kamera** dan tukar ke mod video

2 Ketik MOD > **Dwi Rakaman**.

3 Kotak pencari pandangan kecil muncul pada skrin pencari pandangan utama. Sediakan tangkapan anda.

- Seret pencari pandangan kecil ke tempat yang anda inginkan dalam gambar.
- Sentuh dan tahan pencari pandangan kecil untuk mengubah saiz, jika perlu.
- Ketik pencari pandangan kecil untuk menukar kanta antara pencari pandangan utama dan pencari pandangan kecil.

4 Ketik untuk memulakan dwi rakaman.

5 Ketik untuk menghentikan dwi rakaman.

Menggunakan mod Zum penjejakan

Membolehkan anda menentukan kawasan rakaman untuk fokus dan membesarkan. Anda boleh menetapkan kawasan sebelum rakaman, kemudian menggerakkannya seperti yang diperlukan semasa rakaman.

1 Buka aplikasi **Kamera** dan tukar ke mod video

2 Ketik MOD > **Zum Penjejakan**.

3 Seret kanta pembesaran ke kawasan tersebut untuk membesarkan. Skrin kecil menunjukkan fokus yang ditentukan dalam pandangan besar.

Kamera video

4 Ketik untuk memulakan rakaman.

- Semasa rakaman, anda boleh menggerakkan skrin kecil. Sentuh dan seret ia ke lokasi yang dikehendaki.

5 Ketik untuk menghentikan rakaman.

QuickMemo

QuickMemo membolehkan anda mencipta memo dan menangkap syot layar.Tangkap skrin, lukis di atasnya dan kongsikan bersama keluarga dan rakan anda dengan QuickMemo.

1 (Semasa skrin dimatikan) Tekan dan tahan Kekunci Naik Volum.

ATAU

ATAU

Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah dan ketik .

2 Pilih pilihan menu yang diingini dari **Jenis pen**, **Warna**, **Pemadam** dan reka memo.

3 Ketik dalam menu Edit untuk menyimpan memo dengan skrin semasa. Untuk keluar QuickMemo pada bila-bila masa, ketik .

NOTA: Sila gunakan hujung jari anda semasa menggunakan QuickMemo. Jangan gunakan kuku jari anda.

Menggunakan pilihan QuickMemo

Anda boleh menggunakan pilihan QuickMenu dengan mudah semasa menggunakan fungsi QuickMemo.

	Ketik untuk menyimpan QuickMemo semasa sebagai tindihan teks di atas skrin dan meneruskan penggunaan telefon.
	Memilih sama ada anda ingin menggunakan skrin latar belakang atau tidak.
	Buat asal atau Buat semula.
	Pilih jenis pen dan warnanya.
	Memadamkan memo yang telah anda cipta.
	Ketik untuk berkongsi memo dengan orang lain melalui mana-mana aplikasi yang tersedia.
	Menyimpan memo dengan skrin semasa dalam **Galeri** atau **Buku nota**.

Melihat QuickMemo yang disimpan

Ketik **Buku nota/Galeri** dan pilih album QuickMemo.

QuickTranslator

Hanya tudingkan kamera telefon pintar anda pada ayat asing yang hendak anda fahami. Anda boleh mendapatkan terjemahan masa nyata di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja.

Anda boleh membeli kamus tambahan untuk terjemahan di luar talian daripada Google Play Store.

❶ Bahasa utama.
❷ Bahasa destinasi.
❸ Terjemahan perkataan.
❹ Terjemahan ayat.
❺ Terjemahan perenggan.
❻ Tetapan.

1 Ketik > > tab **Apl** > **QuickTranslator**.
2 Ketik **Perkataan**, **Talian** atau **Perengg.**.
3 Ketik dan pilih bahasa yang dikehendaki.
4 Pegang telefon dengan menghalakan lensa ke arah subjek yang anda hendak terjemah untuk beberapa saat.

NOTA: Hanya sebuah kamus disediakan dengan percuma. Kamus tambahan perlu dibeli. Sila pilih kamus yang hendak anda pasang sebagai kamus percuma anda daripada senarai kamus di bawah.

NOTA: Mungkin terdapat perbezaan dalam kadar pengecaman bergantung kepada saiz, fon, warna, kecerahan dan sudut huruf yang perlu diterjemahkan.

QSlide

Daripada mana-mana skrin, bukakan tetingkap notepad, kalendar, dan sebagainya di dalam skrin anda.

1		Ketik untuk keluar dari QSlide dan kembali kepada tetingkap penuh.
2		Ketik untuk melaraskan kelutsinaran.
3		Ketik untuk menamatkan QSlide.
4		Ketik untuk melaraskan saiznya.

1 Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah > ketik aplikasi Qslide atau sambil menggunakan aplikasi yang menyokong QSlide > ketik . Fungsi ini dipaparkan secara berterusan sebagai tetingkap kecil pada skrin anda.

2 Anda boleh membuat panggilan, melayari Web atau memilih pilihan telefon yang lain. Anda boleh juga mengguna dan mengetik skrin di bawah tetingkap kecil apabila bar kelutsinaran tidak penuh .

NOTA: QSlide boleh menyokong sehingga dua tetingkap pada masa yang sama.

QuickTheater

QuickTheater membolehkan anda melihat pertunjukkan slaid bagi Foto, Video dan YouTube.

1 Dari skrin kunci, pegang telefon secara mendatar.
2 Tarik skrin dengan ibu jari kedua-dua tangan.
3 Anda boleh melihat pertunjukkan skrin untuk fungsi yang dikehendaki.

NOTA: Mod kunci skrin harus ditetapkan sebagai Seret sebelum anda menggunakan fungsi QuickTheater

1 Ketik > tab **Apl** > **Tetapan** > tab **Paparan** > **Skrin kunci** > **Pilih kunci skrin.**
2 Pilih **Seret**.

QuickRemote

QuickRemote menukar telefon anda kepada Kawalan Jauh Universal untuk TV rumah anda, Kotak atas set, sistem audio, pemain DVD/Blu-ray, penghawa dingin dan projektor.

1 Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah dan ketik > **TAMBAH SECARA JAUH**.

ATAU

Ketik > > tab **Apl** > **QuickRemote** > ketik .

2 Pilih jenis dan jenama peranti kemudian ikuti arahan pada skrin untuk mengkonfigurasikan peranti.

3 Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah dan gunakan fungsi QuickRemote.

Ketik **kekunci Menu** untuk memilih **Tetapan Jauh Magik, Edit nama jauh, Ketahui jauh, Alihkan jauh, Padam jauh, Edit bilik, Tetapan** dan **Bantuan.**

NOTA: QuickRemote berfungsi dengan cara yang sama seperti isyarat inframerah (IR) kawalan jauh biasa. Berhati-hati supaya tidak menutup sensor di bahagian belakang telefon bila anda menggunakan fungsi QuickRemote. Fungsi ini mungkin tidak disokong, bergantung pada model, pengilang atau syarikat perkhidmatan.

Zum untuk Mengesan

Apabila anda memainkan video, anda boleh membesarkan objek sambil menjejaknya.

1 Apabila anda memainkan video, ketik .

2 Sentuh kanta pembesaran dan seret ia ke objek untuk menjejak.

NOTA:

- Semasa video dimainkan, luncurkan bahagian kiri skrin ke atas atau ke bawah untuk melaraskan kecerahan skrin.
- Semasa memainkan video, luncurkan skrin ke kiri atau ke kanan untuk putar balik semula atau ke hadapan.
- Jangan tekan terlalu kuat; skrin sentuh cukup sensitif untuk mengesan ketikan yang ringan tetapi kukuh.
- Zum untuk Menjejak mungkin tidak tersedia jika objek bergerak terlalu pantas atau terkeluar daripada skrin.

VuTalk

Dengan ciri VuTalk, anda boleh membuat nota interaktif dan lebih kreatif dengan pihak yang lain. Komunikasi visual dapat dilakukan sambil berkongsi foto, peta atau pratonton kamera.

NOTA:
- Hanya tersedia dengan telefon yang juga menyokong ciri ini.
- Anda juga boleh menggunakan ciri VuTalk semasa panggilan.
- Skrin akan dikunci jika tiada input.
- Memerlukan sambungan data. Caj data akan dikenakan kepada kedua-dua telefon.

Daftar VuTalk Sebelum Digunakan

1 Ketik > **Kenalan** > .
Anda juga boleh mendaftar perkhidmatan VuTalk semasa dalam panggilan.
2 Baca terma dan syarat aplikasi dan dasar privasi LG. Jika anda bersetuju, ketik kotak semakan, kemudian ketik **Terima**.

Tetapan VuTalk

1 Ketik > **Kenalan** > > **Tetapan VuTalk**.
2 Tetapkan pilihan berikut sepertimana pilihan anda.
- **Bunyi pemberitahuan:** Pilih bunyi pemberitahuan yang dikehendaki.
- **Getaran:** Pilih jenis getaran yang dikehendaki.
- **Tunjukkan pop timbul permintaan:** Tandakan semak pada pilihan ini untuk memaparkan pop timbul apabila permintaan VuTalk diterima.
- **Penyegerakan kenalan:** Tandakan semak pada pilihan ini untuk menyegerakkan kenalan.

Komunikasi Secara Visual dengan VuTalk

1 Ketik > **Kenalan** > .
Hanya kenalan yang menggunakan ciri VuTalk akan dipaparkan.

2 Ketik kenalan untuk memulakan VuTalk.

3 Dalam skrin butiran kenalan, ketik . Selepas pihak satu lagi menerima permintaan VuTalk anda, anda boleh mulakan VuTalk dengan mereka.

4 Gunakan skrin VuTalk untuk berbual dan berkomunikasi secara visual dengan rakan anda.

- Ketik untuk melampirkan foto, mengambil foto baru, pandangan peta atau pelekat.
- Ketik ikon Pen dan ikon Pemadam untuk menulis pada imej yang anda dilampirkan.

5 Apabila anda selesai VuTalk, ketik atau keluar daripada ciri VuTalk.
Skrin VuTalk yang dicipta disimpan dalam aplikasi **Buku Nota**.

NOTA: Jika anda ketik dan kembali ke skrin Utama, ciri VuTalk masih berjalan di latar belakang.

LG SmartWorld

LG SmartWorld menawarkan pelbagai kandungan menarik - permainan, aplikasi, kertas dinding dan nada dering - yang memberi pengguna telefon LG peluang untuk menikmati pengalaman "Kehidupan Mudah Alih" yang lebih kaya.

Bagaimana untuk Pergi ke LG SmartWorld daripada Telefon Anda

1 Ketik > > tab **Apl** > ketik ikon untuk mengakses **LG SmartWorld**.
2 Ketik Log masuk dan masukkan ID/Kata Laluan untuk LG SmartWorld. Jika anda belum lagi mendaftar, ketik Daftar untuk mendapatkan keahlian LG SmartWorld.
3 Muat turun kandungan yang anda kehendaki.

NOTA: Bagaimana jika ikon tiada?

1 Dengan menggunakan penyemak imbas Web mudah alih, akses LG SmartWorld (www.lgworld.com) dan pilih negara anda.
2 Muat turun Apl LG SmartWorld.
3 Jalankan dan pasang fail yang dimuat turun.
4 Akses LG SmartWorld dengan mengetik ikon .

Bagaimana untuk menggunakan LG SmartWorld

Tetapan: Menetapkan Profil dan Paparan.

Rakam masuk: Menetapkan ID dan Kata laluan anda.

- Cuba fungsi lain yang juga berguna. (Skrin Butiran Kandungan)

NOTA: LG SmartWorld mungkin tidak disediakan oleh semua pembawa rangkaian atau di semua negara.

On-Screen Phone

On-Screen Phone membolehkan anda melihat skrin telefon bimbit anda daripada PC melalui sambungan USB atau Wi-Fi. Anda juga boleh mengawal telefon mudah alih anda daripada PC menggunakan tetikus atau papan kekunci.

Ikon On-Screen Phone

	Menyambung atau memutuskan sambungan telefon mudah alih anda kepada/daripada PC anda.
	Menukar keutamaan On-Screen Phone.
	Keluar daripada program On-Screen Phone.
	Memaksimumkan tetingkap On-Screen Phone.
	Minimumkan tetingkap On-Screen Phone.

Ciri On-Screen Phone

- Pindahan dan kawalan dalam masa nyata: memaparkan dan mengawal skrin telefon mudah alih anda semasa bersambung ke PC anda.
- Kawalan tetikus: membolehkan anda mengawal telefon mudah alih anda menggunakan tetikus untuk klik dan seret pada skrin PC anda.
- Input teks dengan papan kekunci: membolehkan anda menulia mesej teks atau nota menggunakan papan kekunci komputer anda.
- Pindahan fail (telefon mudah alih ke PC): menghantar fail daripada telefon mudah alih anda (seperti foto, video, muzik dan fail POLARIS Viewer 5) ke PC anda. Anda hanya perlu mengklik kanan pada fail yang hendak anda hantar ke PC dan klik "Simpan ke PC".
- Pemindahan fail (PC ke telefon mudah alih): menghantar fail daripada PC ke telefon mudah alih anda. Anda hanya perlu memilih fail yang hendak anda pindahkan dan

seret dan lepaskannya ke dalam tetingkap On-Screen Phone. Fail yang dihantar disimpan dalam kad SD dalaman.

- Pemberitahuan masa nyata: menggesa pop timbul untuk memaklumkan anda akan mana-mana panggilan masuk atau mesej teks/multimedia.

Bagaimana memasang On-Screen Phone pada PC anda

1 Lawati LG Home (www.lg.com) dan pilih negara pilihan anda.

2 Pergi ke **Sokongan** > **Sokongan Telefon Mudah Alih** > Pilih Model (LG-D958) > Klik **OSP** (On-Screen Phone) untuk memuat turun. Anda boleh memasang On-Screen Phone pada PC anda.

Multimedia

Galeri

Buka aplikasi **Galeri** untuk menonton album gambar dan video anda.

1 Ketik > > tab **Apl** > **Galeri**.
Anda boleh menguruskan dan berkongsi semua fail imej dan video dengan Galeri.

NOTA:
- Beberapa format fail tidak disokong, bergantung kepada perisian yang dipasang pada telefon.
- Sesetengah fail mungkin tidak akan dimainkan dengan betul, bergantung kepada bagaimana ia dikodkan.

Melihat gambar

Melancarkan Galeri akan memaparkan folder anda yang tersedia. Apabila aplikasi lain, seperti E-mel, menyimpan gambar, folder muat turun akan dicipta secara automatik untuk menyimpan gambar ini. Begitu juga, menangkap tangkap layar dengan automatik akan mencipta folder Tangkap Layar. Pilih folder untuk membukanya.

Gambar dipaparkan mengikut tarikh ciptaannya dalam folder. Pilih gambar yang hendak dilihat dalam skrin penuh. Tatal ke kiri atau kanan untuk melihat imej seterusnya atau sebelumnya.

Mengezum masuk dan keluar

Gunakan salah satu kaedah berikut untuk mengezum masuk dan keluar imej:
- Ketik dua kali di mana-mana untuk mengezum masuk.
- Kembangkan dua jari di mana-mana tempat untuk mengezum masuk. Cubit untuk mengezum keluar, atau ketik dua kali untuk kembali.

Memainkan video

Fail video menunjukkan ikon dalam pratonton. Pilih video yang hendak ditonton dan ketik . Aplikasi Video akan dilancarkan.

Mengedit foto

Apabila melihat foto, ketik **kekunci Menu** > **Edit.**

Memadamkan foto/video

Gunakan salah satu kaedah berikut:

- Dalam folder, ketik dan pilih gambar/video dengan menandakannya, lalu ketik pada **Padam**.
- Semasa melihat foto/video, ketik .

Menetapkan sebagai kertas dinding

Apabila melihat foto, ketik **kekunci Menu** > **Tetapkan imej sebagai** untuk menetapkan imej sebagai kertas hias dinding atau untuk menguntukkannya kepada kenalan.

NOTA:

- Sesetengah format fail tidak disokong, bergantung kepada perisian peranti.
- Jika saiz fail melebihi memori yang ada, ralat akan berlaku apabila anda membuka fail.
- Resolusi disaizkan secara automatik daripada Ultra-HD ke HD Penuh apabila telefon bimbit disambungkan ke TV melalui Slimport (atau Miracast).

Video

Telefon anda mempunyai pemain muzik terbina dalam yang membolehkan anda memainkan semua video kegemaran anda.Untuk mengakses pemain video, ketik > > tab **Apl** > **Video**.

Memainkan video

1 Ketik > > tab **Apl** > **Video**.

2 Pilih video yang anda mahu mainkan.

	Ketik arah yang dikehendaki untuk zum audio.
	Ketik untuk menggunakan ciri Zum untuk Menjejak.
	Ketik untuk masuk ke dalam mod Qslide.
	Ketik untuk berkongsi video anda melalui fungsi SmartShare.
	Ketik untuk mengunci skrin video.
	Ketik untuk melihat senarai video.
	Tepuk untuk menangkapkan shot skrin.
	Ketik untuk menjeda main balik video.
	Ketik untuk menyambung semula main balik video.
	Ketik untuk pergi 10 saat ke depan.
	Ketik untuk pergi 10 saat ke belakang.
	Ketik untuk mengurus volum video.
	Ketik untuk menukar nisbah skrin video.

Untuk menukar volum semasa menonton video, tekan kekunci volum ke atas dan bawah di sebelah belakang telefon.

Sentuh dan tahan video dalam senarai. Pilihan **Kongsi, Padam, Potong** dan **Butiran** akan dipaparkan.

NOTA: Video UHD(Ultra-HD) tidak menyokong pilihan **Potong** apabila ia dimainkan di aplikasi Galeri dan **Video**.

Muzik

Telefon anda mempunyai pemain muzik terbina dalam yang membolehkan anda memainkan semua muzik kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, ketik > > tab **Apl** > **Muzik**.

Tambah fail muzik pada telefon anda

Mulakan dengan memindahkan fail muzik ke telefon anda:

- Pindahkan fail menggunakan Penyegerakan media (MTP).
- Muat turun dari Web tanpa wayar.
- Segerakkan telefon anda kepada komputer.
- Terima fail melalui Bluetooth.

Pindahkan fail menggunakan Penyegerakan media (MTP)

1. Sambungkan telefon ke PC anda menggunakan kabel USB.
2. Pilih pilihan **Penyegerakan media (MTP)**. Telefon anda akan kelihatan sebagai pemacu keras yang lain pada komputer anda. Klik pada pemacu keras ini untuk melihatnya. Salin fail dari PC anda ke dalam folder pemacu.
3. Apabila anda telah selesai memindahkan fail, seret ke bawah pada Bar Status dan ketik **USB disambung** > **Cas telefon**. Anda kini boleh menanggalkan plag peranti anda dengan selamat.

Memainkan lagu

1. Ketik > > tab **Apl** > **Muzik**.
2. Ketik **Lagu**.
3. Pilih lagu yang anda mahu mainkan.

	Ketik untuk menjeda main balik.
	Ketik untuk meneruskan main balik.
	Ketik untuk melangkau ke lagu seterusnya dalam album, senarai main atau kocok. Sentuh dan tahan untuk mara cepat.
	Ketik untuk memulakan semula lagu semasa atau melangkau ke lagu sebelumnya dalam album, senarai main atau kocok. Sentuh dan tahan untuk putar semula.
	Ketik untuk memaparkan bar gelangsar Volum, kemudian laraskan volum main balik di bar gelangsar.
	Ketik untuk menetapkan kesan audio.
	Ketik untuk mencari fail dengan YouTube.
	Ketik untuk membuka senarai main semasa.
	Ketik untuk menambah lagu pada kegemaran anda.
	Ketik untuk memainkan senarai main semasa dalam mod kocok (lagu dimainkan dalam susunan rawak).
	Ketik untuk menogol melalui mod ulangan untuk ulang semua lagu, ulang lagu semasa atau matikan pengulangan.
	Ketik untuk berkongsi muzik anda melalui fungsi SmartShare.

Untuk menukar volum sambil mendengar muzik, tekan kekunci volum ke atas dan bawah pada sebelah belakang telefon.

Sentuh dan tahan sebarang lagu di dalam senarai. Pilihan **Main**, **Tambah pada senarai main**, **Kongsi**, **Tetapkan sebagai nada dering**, **Padam**, **Butiran** dan **Cari** akan dipaparkan.

NOTA:
- Sesetengah format fail tidak disokong, bergantung kepada perisian peranti.
- Jika saiz fail melebihi memori yang ada, ralat akan berlaku apabila anda membuka fail.

NOTA: Hak cipta fail muzik mungkin dilindungi oleh perjanjian antarabangsa dan undang-undang hak cipta nasional.
Oleh itu, kebenaran atau lesen mungkin perlu diperoleh untuk mengeluarkan semula atau menyalin muzik.
Dalam sesetengah negara, undang-undang nasionalnya melarang penyalinan peribadi bahan berhak cipta. Sebelum memuat turun atau menyalin fail, semak undang-undang nasional negara yang berkenaan mengenai penggunaan bahan sedemikian.

Luncurkan ketepi (Penukaran tugas pantas dengan TIGA jari)

Anda boleh menukar kepada tugas lain dengan pantas menggunakan tiga jari.

1 Letakkan tiga jari pada skrin yang anda sedang gunakan dan luncurkan skrin ke kiri. Skrin semasa disimpan dan anda boleh melakukan tugas lain.

- Anda boleh menyimpan 3 (tiga) aplikasi di bahagian kiri skrin.

2 Untuk membuka semula skrin yang disimpan dan meneruskan penggunaan aplikasi, letakkan tiga jari pada skrin dan luncurkannya ke kanan.

NOTA: Sila berhati-hati dan jangan meletakkan jari lain atau tapak tangan pada skrin.

Dwi Tetingkap

Dua skrin bahagi boleh dilihat pada masa yang sama.

1 Sentuh dan tahan butang Kembali untuk membahagikan skrin.

2 Ketik atau seret ikon aplikasi yang anda ingin gunakan.

(Ikon Switch) : Menukar dua skrin.
(Ikon Drag) : Seret untuk mengubah saiz skrin bahagi.
(Ikon Menu) : Ketik untuk melihat senarai aplikasi, tukar kepada skrin penuh atau tutup aplikasi semasa.

NOTA: Dwi Tetingkap harus ditetapkan Sebelum anda menggunakan fungsi tersebut.

1 Ketik > Tab **apl** > **Tetapan** > Tab **umum** > **Pelbagai tugas** > **Dwi Tetingkap**.
2 Tanda semak kotak tanda **Dwi Tetingkap**.

Mod Tetamu

Untuk melindungi privasi anda atau mengehadkan sesetengah aplikasi daripada anak-anak anda, anda boleh menggunakan mod Tetamu.
Apabila anda meminjamkan telefon anda kepada orang lain, anda boleh mengehadkan aplikasi yang boleh dipaparkan.
Terlebih dahulu, tetapkan mod Tetamu dan sesuaikan pilihan.

NOTA: Untuk menggunakan mod Tetamu, kunci corak harus ditetapkan terlebih dahulu.

1 Ketik > > tab **Apl** > **Tetapan** > **Umum** tab > **Mod tetamu**.
2 Ketik untuk menghidupkan Mod tetamu.

Menetapkan penggera anda

1 Ketik > > tab **Apl** > **Penggera/Jam** > .
2 Selepas anda menetapkan penggera, telefon anda akan memberitahu anda baki masa yang tinggal sebelum penggera berbunyi.
3 Tetapkan **Ulang**, **Tempoh tunda**, **Getaran**, **Nada penggera, Volum penggera, Pemula aplikasi Auto, Kunci teka-teki dan Memo**. Ketik **Simpan**.

NOTA: Untuk menukar tetapan penggera dalam skrin senarai penggera, ketik **kekunci Menu** dan pilih **Tetapan**.

Menggunakan kalkulator anda

1 Ketik > > tab **Apl** > **Kalkulator**.
2 Sentuh kekunci nombor untuk memasukkan nombor.
3 Untuk pengiraan mudah, ketik fungsi yang anda kehendaki (+, –, x, atau ÷), diikuti dengan =.
4 Untuk pengiraan lebih kompleks, ketik > **Kalkulator saintifik.**
5 Untuk menyemak sejarah, ketik > **Sejarah pengiraan**.

Menambah acara pada kalendar anda

1 Ketik > > tab **Apl** > **Kalendar**.
2 Pada skrin, anda akan boleh menemui jenis paparan Kalendar yang berbeza (Hari, Minggu, Bulan, Tahun, Agenda, Life Square).
3 Ketik pada tarikh yang anda ingin tambahkan acara dan ketik .
4 Ketik **Nama acara** dan masukkan nama acara tersebut.

5 Ketik **Lokasi** dan masukkan lokasi. Semak tarikh dan masukkan masa mula dan tamat acara.
6 Jika anda ingin menambah nota kepada acara anda, ketik **Pautkan note**, kemudian pilih imej buku nota yang disimpan. (Hanya ada pada kalendar Telefon)
7 Jika anda ingin mengulang semula penggera, tetapkan **ULANG**, dan tetapkan **PERINGATAN**, jika perlu.
8 Sentuh **Simpan** untuk menyimpan acara dalam kalendar.

Perakam Suara

Gunakan perakam suara untuk merakamkan memo suara atau fail audio yang lain.

Merakam bunyi atau suara

1 Ketik > > **Perakam suara**.
2 Ketik untuk memulakan rakaman.
3 Ketik untuk menamatkan rakaman.
4 Ketik untuk mendengar rakaman.

NOTA: Ketik untuk mengakses album anda. Anda boleh mendengar rakaman yang disimpan. Masa rakaman yang tersedia mungkin berbeza daripada masa rakaman sebenar.

Menghantar rakaman suara

1 Sebaik sahaja anda telah selesai merakam, anda boleh menghantar klip audio dengan mengetik .
